

Jilid IV  
Bil. 13



MALAYSIA

Hari Rabu  
27hb Julai, 1994

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**

*Fourth Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1775]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)  
(Pindaan) 1994 [Ruangan 1815]

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1994 [Ruangan 1853]

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas  
Perajurit (Pindaan) 1994 [Ruangan 1862]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1814]

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA PARLIMEN KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEEMPAT

### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY,  
P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

„ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA,  
S.I.M.P. (Dilantik).

„ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P.  
(Dilantik).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S.  
(Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal  
Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau  
Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K.,  
J.C. (Dilantik).

„ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., JP. (Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN FU AH KLOW (Dilantik).

„ TUAN DING SELING (Dilantik).

„ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., JP. (Melaka)

„ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik — Wilayah  
Persekutuan).

„ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).

Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., PPN (Johor).

- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik — Wilayah Persekutuan Labuan
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB (Pahang).
- „ PUAN KIAN Srr HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- „ DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN, D.P.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATO' (IR) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN NG SEE TIONG (Johor).
- „ DR NG YEN YEN (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAJAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN V. SARAVANAN A/L VELIAUDAYAR (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- „ TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).

Yang Berhormat DR TOH KIN WOON (Pulau Pinang).

- „ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L, KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K;M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

**DEWAN NEGARA**

## PEGAWAJ-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Kanan : Haji Suhor bin Husin.

## PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN:

Mohd, Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb Julai, 1994

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PERSEKOLAHAN SATU SESI —  
KESAN KEPADA KELAS  
FARDU AIN

**1. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin** minta Menteri Pendidikan mengkaji waktu persekolahan di mana akan kuat kuasa waktu persekolahan murid-murid Islam bagaimana dengan kelas-kelas fardu ain kerana kebanyakan kelas-kelas tersebut diadakan sebelum atau selepas waktu sekolah.

**39. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada rancangan persekolahan akan diadakan seluruh hari bukan seperti sekarang ini iaitu di sebelah pagi dan di sebelah petang dan jika ya, adakah persetujuan semua pihak seperti guru-guru dan ibu bapa telah diperolehi.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat dua soalan yang bertanyakan tentang rancangan Kementerian Pendidikan mengenai jadual persekolahan baru

dalam persidangan Dewan Negara hari ini iaitu daripada Yang Berhormat Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin dan Yang Berhormat Tuan Limun Laikim. Saya pohon keizinan supaya saya menjawab kedua-dua soalan ini serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji waktu persekolahan dari masa ke semasa. Sebenarnya waktu persekolahan yang dilanjutkan bukanlah perkara baru yang diamalkan di sekolah. Pada tahun 1988 selaras dengan reformasi pendidikan, mata pelajaran kemahiran hidup telah diperkenalkan. Di samping itu, waktu untuk Pendidikan Agama Islam telah ditambah daripada 3 waktu kepada 6 waktu seminggu. Pertambahan pada waktu Pendidikan Agama Islam adalah bertujuan untuk memantapkan lagi aspek fardu ain dan yang berkaitan dengannya di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Sayugia disebutkan perubahan ini telah menyebabkan jadual waktu biasa menjadi sesak dan tidak cukup untuk menampung pertambahan mata pelajaran tersebut. Oleh itu, kebanyakan sekolah mengadakan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dan tambahan mata pelajaran Agama Islam di dalam jadual waktu persekolahan baru.

Sekarang ini, bagi setengah sekolah terutamanya yang mempunyai dua sesi sekurang-kurangnya pelajar datang awal ke sekolah tiga hari seminggu iaitu kira-kira pada jam 8.00 pagi sehinggalah kepada 6.45 petang. Ini berlaku kerana sekolah dua sesi tidak dapat menampung waktu belajar tambahan ini. Ini bererti sekurang-kurangnya dalam tiga hari seminggu pelajar berada di sekolah hampir 12 jam sehari. Kementerian Pendidikan tidak akan melaksanakan waktu persekolahan baru tanpa mengambil kira segala aspek terlebih dahulu.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan akan mengadakan satu bengkel untuk membincangkan perkara jadual waktu persekolahan dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti para ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan seumpamanya. Dalam bengkel ini seluas-luas peluang akan diberi kepada semua pihak untuk mengemukakan pandangan mereka terhadap soal ini.

#### **SKIM SIJIL PREMIUM BANK SIMPANAN NASIONAL — PANDANGAN HUKUM SYARAK**

**2. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Kewangan menjelaskan berkenaan dengan cabutan nombor bertuah sijil premium Bank Simpanan Nasional oleh kerana hubungkaitnya dengan langkah-langkah Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan memandangkan Bank Simpanan Nasional adalah salah sebuah institusi Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Sijil Simpanan

Premium adalah di antara skim-skim yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional untuk menggembleng simpanan serta menggalakkan amalan simpanan di kalangan orang ramai. Pada masa ini simpanan bersih di dalam akaun Sijil Simpanan Premium ini berjumlah kira-kira RM215.5 juta. Bilangan pemegang sijil pula ialah 806,600 orang.

Skim Sijil Simpanan Premium yang disediakan oleh Bank Simpanan Nasional adalah harus mengikut hukum syarak. Keputusan ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysian yang bermuzakarah pada 29 November 1991. Beberapa Majlis Agama yang lain termasuk di Johor dan di Kelantan juga mempunyai pandangan yang sama.

Skim Sijil Simpanan Premium bukan satu jenis judi. Ini kerana pemegang-pemegang sijil tersebut akan terus memiliki sijil dan simpanannya sama ada ia mendapat hadiah bonus yang disediakan di bawah cabutan Skim Sijil Simpanan Premium ataupun tidak, Dividen dibayar kepada penyimpan berdasarkan simpanan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum Disember. Pada akhir tahun lalu dividen 3.5% berjumlah kira-kira RM4.2 juta telah dibayar kepada pemegang sijil.

#### **KEMPEN ANTI MEROKOK — KEJAYAAN**

**3. Tuan Shuib bin Endut** tntinta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah program kempen kurangkan tabiat merokok benar-benar berjaya; dan
- (b) apakah takrif sebenarnya "tempat awam" dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada perokok yang masih ingkar.

**Timbalan Menteri Kesihatan  
(Dato' Mohamed Farid bin Ariffin):**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kejayaan sebenarnya kempen anti-merokok yang sedang dijalankan sekarang masih terlalu awal untuk diukur keberkesanannya. Walau bagaimanapun, satu kaji selidik yang saintifik adalah diperlukan bagi memastikan perkara ini. Namun demikian penguatkuasaan peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 yang merupakan sebahagian daripada kempen anti merokok yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan nampaknya telah sedikit-sebanyak menyedarkan sebahagian besar masyarakat Malaysia terutama tentang bahayanya merokok.
- (b) Senarai tempat-tempat ataupun tempat-tempat awam yang diwartakan 1 sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 10, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 adalah seperti berikut:
- (i) di mana-mana pusat hiburan atau teater pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka untuk orang ramai;
  - (ii) di mana-mana hospital atau klinik;
  - (iii) di mana-mana lif awam;
  - (iv) di mana-mana tempat makan berhawa dingin;

(v) dalam mana-mana kenderaan awam yang membawa penumpang yang membayar tambang mengikut laluan berjadual ataupun laluan tetap; dan

(vi) dalam mana-mana bangunan tertentu bertentangan dengan apa-apa pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah Peraturan 12.

Perokok-perokok ataupun orang yang menghisap rokok yang didapati melakukan kesalahan di bawah Peraturan 10, Peraturan-peraturan Hasil Tembakau 1993, boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM 1,000 dan jika terus gagal membayar kompaun tersebut akan dibawa ke mahkamah untuk didakwa. Jika bersabit kesalahan tersebut, boleh didenda tidak lebih daripada RM5,000 ataupun penjara tidak lebih dari 2 tahun.

**Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Kesihatan, bagaimana program untuk dianjurkan di sekolah, iaitu kempen mengurangkan tabiat merokok — kempen jangan merokok untuk anak-anak sekolah ataupun memaihkan slide seperti yang ada di hospital yang saya pernah nampak ditayangkan di sekolah, keseluruhannya kalau boleh. Dari situlah baru kita dapat mengurangkan kanak-kanak sekolah daripada merokok. Orang tua-tua yang sudah merokok ini susah sedikit hendak diberhentikan, tetapi sedikit demi sedikit

mungkin boleh. Tetapi anak-anak sekolah mungkin saya rasa lebih kuat kita buat, lagi elok dia mengurangkan menghisap rokok.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam peraturan yang saya sebutkan tadi, terdapat satu peruntukan yang mensabitkan sesiapa yang menjual rokok kepada kanak-kanak berumur bawah daripada belasan tahun boleh didakwa di mahkamah ataupun di kompaun terus.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam hal demikian yang berkaitan dengan kesihatan pada umumnya dan juga dalam program-program khusus seperti program anti-merokok dan program AIDS dan program-program kesihatan yang lain.

Setakat ini, kerjasama ini dapat dijalankan dengan baik walaupun kadang-kadang ada terdapat salah faham oleh orang ramai tentang perbezaan dasar Kementerian Kesihatan dan dasar Kementerian Pendidikan. Pada umumnya, dasarnya tidak berbeza besar.

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tetapi tidak ada kaitan dengan rokok, tetapi ada kaitan dengan kesihatan.

Saya melihat masalah minum arak ini yang membawakan kesan buruk kepada masyarakat, termasuklah masalah penyakit-penyakit yang lain dan juga merosakkan rumahtangga. Ada kalanya keadaan masyarakat yang menjadi kelam-kabut kerana tabiat meminum arak. Jadi soalnya, sama ada Kementerian juga bercadang untuk berkempen supaya mengurangkan minum arak?

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**

Insya-Allah.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah kita ada suatu Akta yang berbunyi, "Kepimpinan Melalui Teladan". Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah bersetuju dengan satu cadangan saya supaya keseluruhan kawasan bangunan Parlimen yang ada sekarang dijadikan kawasan larangan merokok?

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat bukannya Akta, tetapi satu dasar ataupun satu *clique* yang banyak digunakan di mana salah satu ialah Kepimpinan Melalui Teladan. Bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya telah pun bercakap banyak kali mengenai hal ini. Kita memang menggelarkan diri kita sebagai pemimpin dan kita tidak boleh lari daripada kewajipan kita menjadi pemimpin dan dalam kita memimpin, tentu sekali yang menjadi teladan ialah pemimpin itu sendiri dan tidak boleh lari dari menyatakan bahawa apa yang kita preach, we have to do. Jadi, oleh kerana itulah maka elok kawasan Parlimen ini dijadikan kawasan dilarang merokok walaupun pada peringkat awal, kuasa untuk menjadikan kawasan Parlimen sebagai kawasan larangan merokok itu terletak pada Parlimen ini sendiri.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji**

**Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan larangan menghisap rokok. Apa yang saya rasa pelik, kita

ambil contoh kantin di Parlimen. Di sebelah itu mengatakan dilarang merokok; tetapi di sebelahnya kita tengok rokok dijual. Jadi, dalam kempen Kerajaan untuk melarang anak-anak muda ataupun pelajar-pelajar untuk tidak menghisap rokok, saya rasa generasi muda ini mereka kurang faham kerana mereka tengok rokok boleh dijual, tetapi dengan izin, at the same time, kita melarang generasi muda ini merokok. Jadi, tak faham mengapa. Kalau rokok begitu bahaya. cadangan saya, mengapakah pihak Kerajaan tidak memberhentikan langsung untuk menjual rokok?

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak melarang orang menghisap rokok, tetapi kita melarang orang menghisap rokok di tempat-tempat tertentu. Walau bagaimanapun, kempen kita ini juga mendapat tentangan daripada beberapa pihak dan juga beberapa agensi yang tertentu. Oleh kerana itulah maka kita telah membuat keputusan untuk go half way first, dengan izin, supaya kita dapat bergerak untuk peringkat pertama ini dengan mengadakan peraturan-peraturan tertentu dan juga menitikberatkan kepada the education part of it, dengan izin, supaya orang ramai sedar tentang bahayanya menghisap rokok.

Yang penting di sini ialah, -Kita patut sedar bahawa the chances of one getting cancer out of smoking, dengan izin, adalah tinggi tetapi ada orang yang berbahas dengan kita mengatakan bahawa, "Mengapa bapa saya menghisap rokok sampai berpuluh-puluh tahun, tak juga dapat kanser?" Ini adalah satu salah faham yang berbeza, Yang saya sebut di sini, peluang ataupun propensities seseorang itu mendapat kanser daripada

merokok adalah lebih tinggi daripada orang yang tidak merokok, tidak semestinya dia dapat kanser. Oleh kerana kita tahu peluang untuk mendapat kanser itu lebih tinggi, maka kita tahu "cause"-nya. Jadi dalam teori cause and effect, kita tahu causesnya, kita kena buang "cause"nya. Jadi cadangan ini boleh diterima pada peringkat yang lebih lanjut nanti, tetapi pada peringkat ini, kita terpaksa melangkah satu langkah demi satu langkah.

Percayalah, dalam kempen kami ini, kami menghadapi banyak halangan, banyak challenges, dengan izin, kita telah menghadapinya dengan tabah dan insya-Allah, dapat menang pada satu hari nanti dan saya percaya bahawa the cigarette industry is going to be a sunset industry sebab negara-negara Barat sudah pun berbincang untuk mengharamkan pengiklanan rokok di televisyen mereka, termasuk Amerika Syarikat. Jika sekiranya tuan-tuan membaca akhbar bulan lepas, ketujuh-tujuh ketua-ketua syarikat rokok telah pun disoal dalam Senate Committee dan mereka ditanya dua soalan pokok — satu ialah, "Adakah merokok itu addictive ataupun menimbulkan kegunaan?" Jawabnya, "Tidak". Jawabnya tidak. It was reported in the press in America. Tetapi, soalan yang kedua ialah, "Adakah jika ia tidak addictive, adakah awak akan membenarkan anak awak menghisap rokok?" Jawabnya, "Tidak".

Jadi oleh kerana itu, sudah ada double standard dari segi itu dan dalam hal ini kita berasa bahawa syarikat-syarikat rokok sendiri sedar bahawa satu hari nanti industri ini akan menjadi satu industri yang mungkin pupus, insya-Allah.

**TELEFON ATUR —  
PENJUALAN**

**4. Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa penggunaan telefon Atur boleh didengar melalui stereo/radio di tempat-tempat tertentu. Jika sedar, apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya dapat menjamin keselamatan pengguna; dan
- (b) berapakah ramai pengguna Atur yang berdaftar dan berapakah syarikat yang diberi lesen untuk mengendalikan penjualan talian Atur.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu);** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar perkara ini berlaku kerana penggunaan peralatan radio/stereo yang diluluskan. Walau bagaimanapun, bilangan yang terlibat adalah kecil dan Jabatan Telekom sedang mengkaji langkah untuk mengatasinya.
- (b) Jumlah pengguna-pengguna telefon selular yang berdaftar sehingga Jun 1994 ialah 504,213 seperti berikut:

<i>Sistem</i>	<i>Jumlah Pengguna</i>
CELCOM (Art 900)	409,852
Telekom Malaysia (Atur 450)	92,361
MOBIKOM (Mobifon 800)	2,000
BINARIANG (GSM 800)	Belum beroperasi

Sebanyak empat lesen telah dikeluarkan iaitu Telekom Malaysia, Cellular Telecommunication (M) Ltd., Mobikom dan Binariang. Walau bagaimanapun, Binariang masih belum beroperasi lagi.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan bayaran yang dikenakan kepada setiap penggunaan ATUR yang membuat panggilan tetapi tidak mendapat response daripada orang yang dipanggil?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan perkara ini beberapa kali. Saya percaya anasir-anasir suka juga merosakkan nama Telekom dan lain-lain. Oleh kerana banyak kali saya telah menjelaskan iaitu apabila sahaja kita buat apa-apa panggilan, jikalau ada panggilan itu tidak dapat dijawab daripada pihak yang mana kita telefon, tidak kena apa-apa bayaran. Tetapi telefon ATUR atau telefon selular, mereka kena bayar sedikit. Tetapi telefon biasa seperti fixed telephone, dengan izin, tidak ada apa-apa bayaran.

Jikalau ada juga dikenakan bayaran, itu panggilan ke luar negeri dan jikalau panggilan itu tidak dapat disambung dengan pihak yang kita panggil, mereka kena bayar RM2. Tetapi panggilan tempatan tidak. Tetapi ada juga banyak publisiti berkenaan dengan itu. Tidak tahulah siapakah buat publisiti itu. Siapakah melahirkan publisiti itu? Ini menjadi satu industri sekarang. Industri tanpa bayar cukai, iaitu berita angin dan juga ini jadi satu industri yang terbesar dalam tanahair kita. Satu industri yang boleh juga disiarkan sebagai industri yang tidak bayar cukai.

**Tuan Janggu anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menerangkan apakah sebab Atur 450 tidak dapat dipakai di pedalaman. Adakah Kementerian ini bercadang untuk menggunakan satelit pada masa akan datang?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Atur 450, ialah satu rangkaian boleh diterima di banyak tempat di dalam Semenanjung Malaysia ini dati juga di Sabah dan Sarawak tetapi ada juga kawasan-kawasan yang belum mengadakan 'base station' di mana kita tidak boleh menerima panggilan atau tidak boleh memanggil.

Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat Atur 450 beroperasi dengan sistem analog. Analog pada masa dahulu telah dikenalkan dalam tahun 80-an. Jadi, saya dapat tahu Telekom Malaysia sedang menjalankan satu kajian macam manakah mereka boleh juga meminda daripada analog kepada digital. Apabila digital itu dapat disiapkan, saya percaya semua panggilan boleh lebih terang dan juga boleh dipanggil daripada mana-mana tempat.

Tetapi saya sendiri telah menghadapi masalah seperti itu di London baru-baru ini. Di pusat bandar London pun menghadapi masalah ini oleh kerana pengguna selular menjadi lebih banyak sekarang. Saya percaya dalam tempoh 20 tahun akan datang, tidak ada orang menggunakan telefon biasa seperti apa yang kita gunakan pada hari ini. Inilah satu pembaharuan yang sedang berlaku. Apabila pembaharuan berlaku, kita akan menghadapi masalah oleh kerana teknologi dalam dunia ini meminda, menukar

tiap-tiap hari. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna itu telah diambil tindakan oleh Telekom Malaysia untuk memperbaiki.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah apabila bil-bil telefon dihantar kepada pengguna, pengguna sekarang ramai merungut, "Kita tidak buat call tetapi dicaj". Adakah Yang Berhormat Menteri sedar perkara ini berlaku?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, suatu masa yang lalu semua bil-bil telah ditulis dengan tangan oleh manusia. Tetapi sekarang manusia tidak ada apa-apa hubungan dengan bil-bil ini. Apabila mereka menggunakan telefon, telefon itu telah dikenakan bayaran melalui komputer. Jadi, seorang yang mempunyai telefon, bila dia keluar dari rumah, macam mana dia tahu anaknya gunakan telefon itukah, boyfriend gunakah, girlfriend gunakah, semua kena dibayar oleh beliau oleh kerana beliau mempunyai telefon.

Saya telah mengunci telefon saya sebulan untuk mendapat tahu adakah apa-apa panggilan. Saya sendiri dapat juga dua tiga panggilan. Saya hairan macam mana. Saya kunci telefon tetapi ada juga dua tiga panggilan. Akhirnya saya dapat tahu, pencuci datang ke rumah saya, dia buka kunci telefon saya dan menggunakan telefon. Jadi, saya percaya ibu bapa lebih baik gunakan alat-alat yang lebih canggih supaya tidak payahlah membayar bil-bil yang lebih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Menteri seorang Menteri yang sungguh

prihatin kepada pengguna-pengguna dan saya percaya Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa masalah yang dihadapi oleh pengguna sekarang ialah oleh kerana telah ada 504,000 pengguna dan kadang-kala susah ataupun berlaku "jammed" untuk kita mendapatkan panggilan. Jadi, apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini? Adakah pihak Kementerian akan menghadkan penjualan line telefon, line telefon selular ini kepada pengguna-pengguna?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk menghadkan penjualan telefon tetapi kita menggalakkan syarikat-syarikat untuk memasang lebih 'switching', lebih 'base station' dan juga menggunakan sistem-sistem baru iaitu panggilan-panggilan boleh disambung melalui satelit dan lain-lain.

Di dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia kita tidak boleh menghadkan apa-apa kemajuan. Itu fikiran saya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam perkhidmatan Ekspres Kuala Lumpur ke Haadyai iaitu Ekspres Langkawi, ada disediakan khidmat panggilan telefon. Saya mendapati khidmat telefon di atas keretapi Ekspres Langkawi tidaklah begitu memuaskan. Memandangkan ada pelancong-pelancong yang akan membuat satu 'panggilan, ke Haadyai bagi memudahkan penempahan tempat-tempat penginapan dan lain-lain kemudahan di Haadyai, pelancong telah mengatakan khidmat telefon di atas keretapi Ekspres Kuala Lumpur-Haadyai tidaklah begitu memuaskan dan saya juga' bersetuju kerana saya juga mempergunakan panggilan telefon tetapi amatlah mendukacitakan perkhidmatannya.

Saya ingin mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah suatu yang munasabah supaya perkhidmatan telefon di atas keretapi Ekspres Langkawi-Kuala Lumpur-Haadyai dapat ditambahkan perkhidmatannya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, penggunaan telefon itu terletak ke atas signal, oleh kerana keretapi itu bukan menetap di stesen di satu tempat sahaja. Dalam perjalanan mereka suka juga menggunakan telefon, jikalau tidak ada base station di tempat-tempat di mana panggilan itu dibuat, mereka pasti tidak boleh dapat disambungkan tetapi mereka mesti menunggu sampai satu masa apabila sahaja mereka melihat signal yang lebih kuat, barulah mereka boleh menelefon. Seperti itu jugalah masalah kepada semua pengguna yang lain. Ini jadi satu perkara yang biasa sekarang.

#### LESEN TV — PENSWASTAAN KUTIPAN HASIL

**5. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada lesen TV perlu diswastakan dan jika ya, apakah faedah-faedah yang, alcan diperolehi oleh Kerajaan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan penswastakan kutipan hasil bayaran lesen TV adalah termasuk di dalam Pelan Penswastakan Perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1994 dan 1995. Faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan adalah sebagaimana berikut:

- (i) meningkatkan kutipan hasil bayaran lesen TV;

- (ii) memperluaskan dan menambahkan lagi tempat-tempat pengeluaran lesen dan kutipan hasil bayaran lesen TV;
- (iii) memudahkan orang ramai untuk membayar lesen TV;
- (iv) mengurangkan beban kepada Kerajaan dalam aspek bebanan kerja, kakitangan dan belanjawan pengurusan;
- (v) meningkatkan lagi kecekapan dalam urusan pengeluaran lesen dan kutipan hasil bayaran lesen TV;
- (vi) mempercepatkan lagi pendenan sistem pengeluaran lesen dan kutipan hasil bayaran lesen TV;
- (vii) meningkatkan produktiviti kerja; dan
- (viii) memberi khidmat yang lebih baik kepada orang ramai.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa lesen TV yang dikenakan sekarang ialah RM24 walaupun seorang mempunyai dua atau tiga televisyen dalam sebuah rumah tetapi lesen yang dikenakan tetap juga RM24. Tetapi bagi masyarakat di luar bandar, biasanya mereka mempunyai, kalau ada pun, hanya satu sahaja televisyen. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang ataupun pihak Kementerian bercadang untuk menurunkan lesen TV bagi pengguna-pengguna TV di kawasan-kawasan luar bandar?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

#### **DOKTOR PERUBATAN DAN PERGIGIAN — PUNCA KEKURANGAN**

**6. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang pertambahan bilangan doktor perubatan dan doktor gigi di negara kita. Adakah punca kurangnya dan apakah langkah untuk mempertingkatkan dan mempercepatkan penambahan tersebut.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pertambahan bilangan doktor perubatan dan doktor pergigian bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 1990 hingga Jun 1994 adalah seramai 2,860 orang pegawai perubatan iaitu purata 572 orang setahun. Sementara pegawai pergigian pula ialah seramai 81 orang iaitu purata 16 orang setahun.

Mengenai punca kekurangan pegawai perubatan dan juga pegawai pergigian adalah disebabkan mereka ini meletakkan jawatan, antara lain, di dalam perkhidmatan Kerajaan. Bilangan peletakan jawatan mulai tahun 1990 hingga Jun 1994 bagi pegawai perubatan adalah seramai 1,088 orang iaitu purata 217 orang pegawai setahun. Sementara pegawai pergigian pula yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan ialah seramai 53 orang yang saya sebutkan tadi, iaitu lebih kurang purata 10 orang setahun.

Langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan perkhidmatan pega-

wai perubatan dan pegawai pergigian adalah seperti berikut:

- (1) Langkah Jangka Pendek
  - (a) Pengambilan pegawai perubatan secara kontrak dari luar dan dalam negeri.
- (2) Langkah jangka Panjang
  - (a) Menyediakan perkhidmatan yang lebih baik supaya mengurangkan masalah peletakan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan; dan
  - (b) menyediakan tambahan biasiswa untuk membiayai pegawai-pegawai perubatan dan pegawai pergigian bagi mengikuti kursus lepasan ijazah, termasuk bidang-bidang kepakaran yang tertentu.

**GURU BAHASA INGGERIS DAN  
MATEMATIK DI SEKOLAH  
PEDALAMAN — KEKURANGAN**

**7. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta. Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar sekolah-sekolah di pedalaman tidak mencukupi guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik ini menyebabkan guru-guru yang sedia ada terpaksa mengajar sedangkan mereka ini kurang mahir dan ini yang membosankan dan kurang minat; dan
- (b) adakah pihak Kementerian sedar alat-alat pengajaran tidak cukup terutama di

sekolah-sekolah pedalaman. Ini yang menyebabkan cara pengajaran guru di sekolah tidak menarik dan ini melemahkan murid-murid dan juga guru-guru.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar terdapatnya kekurangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah-sekolah pedalaman. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah bilangan guru-guru mata pelajaran tersebut dan mengagihkan mereka ke sekolah-sekolah yang terlibat. Antara usaha menambahkan guru mata pelajaran tersebut ialah dengan menambahkan bilangan kemasukan pelatih-pelatih ke maktab-maktab perguruan dan universiti. Selain daripada itu, Kementerian juga menambahkan bilangan guru melalui program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan juga melalui program berkembar TESL dengan universiti-universiti di beberapa buah negara iaitu United Kingdom, New Zealand dan Australia.
- (b) Peruntukan geran per kapita untuk membeli alat bantu mengajar bergantung kepada bilangan murid di sekolah-sekolah berkenaan. Adalah menjadi inisiatif Guru Besar dan Pengetua untuk membeli peralatan yang bersesuaian dengan sekolah mereka ter-

takluk kepada peruntukan yang diberikan. Walaupun alat bantu mengajar itu berguna tetapi alat bantu mengajar itu bukanlah satunya faktor yang mempengaruhi minat pelajar. Antara usaha Kementerian supaya pengajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan ialah mengadakan kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru dari semasa ke semasa, memperkenalkan teknik-teknik pengajaran yang baru dan mengadakan kelas-kelas bimbingan.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji**

**Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak Kementerian Pendidikan telah membuka peluang semula kepada guru-guru yang bersara dan mempunyai kemahiran untuk mengajar mata pelajaran yang tertentu, umpamanya Bahasa Inggeris dan Matematik. Soalan saya, berapa ramaikah guru-guru yang bersara ini yang memohon untuk mengajar semula di sekolah-sekolah?

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan angka. Saya memerlukan notis. Walau bagaimanapun, apa yang kita buat ialah guru-guru ini sebelum bersara, mereka diberitahu kalau mereka suka hendak mengajar kembali, mereka akan ditemuduga dan apabila mereka didapati sesuai daripada banyak aspeknya, mereka akan diambil kembali oleh kerana kita amat kekurangan guru-guru terutama sekali guru-guru Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah pun diterangkan oleh Menteri Pendidikan sebentar tadi, didapati banyak alat-alat bantuan mengajar walaupun pada pandangan Menteri Pendidikan, ia bukanlah satu perkara yang besar. Tetapi apa yang saya hendak mengemukakan soalan kepada Menteri Pendidikan bahawa apa yang dilihat pada hari ini, pengajaran agaraa di sekolah-sekolah walaupun diadakan kelas tambahan fardu ain dan sebagainya, tetapi pada kefahaman saya dan apa yang telah dilihat, masih ramai lagi kedapatan murid-murid yang buta huruf dalam Al-Quran. Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan dan efektif yang dapat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi perkara yang tersebut?

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman**

**bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya ialah selain menambahkan kelas-kelas itu, kita juga memberi kursus kepada guru-guru kita dengan tujuan supaya mereka dapat mengajar dengan cara yang berkesan. Itu antara langkah yang kita ambil. Tetapi walau bagaimanapun, kita harus lihat perkara ini dari dua aspek — guru yang memberi, pelajar yang menerima. Bergantung juga dengan keupayaan dan kesanggupan pelajar-pelajar itu menjalankan usaha-usaha sendiri di samping bantuan dan sokongan tunjuk-ajar daripada ibu bapa sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk David Yeoh Eng Hock.

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

**AKTA PENYIARAN 1988 —  
KAJIAN PINDAAN**

**8. Tuan K. Munisamy (Di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Akta Penerangan 1988 akan dipinda supaya sesuai dengan keadaan tahun sembilan puluhan yang memerlukan bukan sahaja hiburan tetapi juga maklumat-maklumat untuk kebaikan dunia dan perdamaian sejagat.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Penerangan 1988 tidak wujud. Yang ada ialah Akta Penyiaran 1988. Kementerian Penerangan sedang mengkaji pindaan Akta Penyiaran 1988 agar sesuai dengan perkembangan teknologi telekomunikasi dan penyiaran mutakhir. Bagaimanapun, Akta Penyiaran merupakan satu-satunya undang-undang Malaysia dan kuasa penguatkuasaannya hanyalah di dalam negara Malaysia sahaja. Adalah di luar kuasa Menteri Penerangan untuk menentukan perdamaian sejagat. Terima kasih.

**ALAT-ALAT/MESIN-MESIN  
INDUSTRI KECIL — BANTUAN**

**9. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan bahawa melalui badan-badan KEMAS ada peruntukan alat-alat/mesin-mesin untuk industri-industri kecil yang dibekalkan kepada mereka yang ada minat dalam lapangan tertentu, setakat ini berapa banyakkannya alat-alat/mesin-mesin itu dibekalkan dan berapa ramai-kah daripada mereka yang mendapat pertolongan itu menonjolkan kemajuan untuk berkembang maju. Sila beritahu kedudukannya mengikut negeri-negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pembangunan Luar Bandar (Dato  
Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, Program Bantuan Mesin/Alatan kepada pengusaha-pengusaha industri luar bandar adalah diuruskan oleh Bahagian Industri Luar Bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan bukannya di bawah KEMAS. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 455 projek telah diberi bantuan sementara 81 projek adalah dalam pertimbangan. Kedudukan projek-projek yang telah diluluskan mengikut negeri adalah seperti berikut: -

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Projek</i>
Johor	24
Melaka	14
Negeri Sembilan	20
Selangor	31
Wilayah Persekutuan	2
Perak	57
Pulau Pinang	42
Kedah	62
Perlis	18
Kelantan	26
Terengganu	47
Pahang	33
Sarawak	79
<b>JUMLAH:</b>	<b>455</b>

Sebahagian besar pengusaha-pengusaha yang menerima bantuan ini telah menunjukkan peningkatan prestasi dari jumlah keluaran ataupun kualiti. Terdapat beberapa pengusaha telah berjaya mendapatkan kontrak membekalkan komponen-komponen kepada industri besar. Di samping itu, melalui

konsep Pusat Dagangan Utama, keluaran industri makanan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha luar bandar telah berjaya menembusi lebih kurang 126 pasaraya terkemuka di negara ini.

## PERKHIDMATAN KESIHATAN PENSWASTAAN

**10. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan penswastaan perkhidmatan Kesihatan. Apakah Kementerian akan men-swastakan hospital dan klinik-klinik yang dimiliki oleh Kerajaan. Apakah pendirian Kerajaan terhadap penduduk luar bandar yang memerlukan perkhidmatan ini secara percuma di kawasan tersebut.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan perkhidmatan kesihatan adalah ditafsirkan sebagai memindahkan sesuatu perkhidmatan dan aktiviti yang secara tradisinya telah pun ditadbirkan atau diuruskan oleh sesebuah institusi di Kementerian Kesihatan kepada pihak swasta.

Pada umumnya, penswastaan yang berlaku sekarang ataupun yang akan berlaku dalam masa-masa yang akan datang, adalah menitik-beratkan kepada penswastaan, dengan izin, the non clinical services, seperi yang berlaku hari ini iaitu-'maintenance', 'disposal of clinical wastage' dan sebagainya.

Kerajaan tidak bercadang untuk men-swastakan hospital dan klinik-klinik Kerajaan pada masa ini tetapi sebaliknya satu kajian akan dibuat untuk meng-korporatiskan hospital-hospital di ibu-ibu negeri di semua negeri di seluruh Malaysia, sebagai usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan kemu-

dahan rawatan kepada orang ramai serta mengekalkan perkhidmatan pegawai-pegawai dan pakar-pakar perubatan. Kajian ini tidak meliputi klinik-klinik Kerajaan.

Kementerian memang sedar masih terdapat golongan rakyat termasuk penduduk luar bandar yang berpendapatan rendah dan miskin, oleh yang demikian, bagi memastikan langkah untuk memperbadankan hospital Kerajaan ini tidak membebankan rakyat yang tersebut di atas, kajian secara terperinci termasuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak hospital akan dibuat sebelum ianya dilaksanakan. Kementerian akan memberi jaminan bahawa kalau bayaran akan dikenakan nanti, bayaran adalah bergantung kepada perkhidmatan yang disediakan yang pastinya tidak akan membebankan penduduk luar bandar. Ini boleh disifatkan sebagai satu tujuan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang berkualiti.

## KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KASTAM — KAUM INDIA

**11. Tuan Y. Saravanan a/l Veliudayar** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini suatu 'exercise' (dengan izin) kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen telah diadakan di seluruh negara, dan difahamkan bahawa tidak ada seorang Pegawai India pun diberi kenaikan. Adakah ini benar. Jika ya, mengapakah mereka dikecualikan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkaitan dengan bilangan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dari kalangan kaum India yang dipanggil temuduga untuk kenaikan pangkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, temuduga kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Kastam Gred W8 ke Gred W7 telah dijalankan mulai awal November lalu dan berakhir pada April tahun ini- Panggilan temuduga ini adalah berasaskan kepada syarat-syarat berikut:

- (i) calon telah disahkan dalam jawatan;
- (ii) telah lulus semua peperiksaan yang telah ditetapkan;
- (iii) berkhidmat dalam jawatan W8 sekurang-kurangnya 8 tahun; dan
- (iv) bebas daripada tindakan tata-tertib dan tindakan Badan Pencegah Rasuah.

Pemilihan adalah berdasarkan merit dan prestasi yang ditunjukkan dalam temuduga dan penilaian Pegawai Penye- lia. Untuk makluman Ahli Yang Berhor- mat, tidak ada unsur-unsur diskriminasi ataupun pilih kasih dalam pemilihan calon untuk temuduga kenaikan pangkat tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Ber- hormat Tuan Chong Chi Siong.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang 'di- Pertua, dengan izin, Soalan No. 12. "

**YANG DIPERTUA MAJLIS  
DAERAH — JAWATAN TETAP**

**12. Tuan Ng See Tiong (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian berca- dang untuk melantik Yang di- Pertua tetap untuk mentadbir Majlis Daerah dan bukan pinjam Pegawai Daerah men- nyandang jawatan yang pen- ting ini. Jika tidak, beri sebab- nya; dan

- (b) adakah Kementerian berca- dang menaikkan elaun Ahli Majlis Daerah masa sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kuasa melantik Yang di-Pertua Majlis Daerah atau pihak berkuasa tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan- kerajaan Negeri. Oleh yang dsemikian Kerajaan-kerajaan Negeri boleh memutuskan sama ada mahu melantik Yang di-Pertua Majlis berkenaan se- cara sepenuh masa ataupun sebaliknya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada 26 Pihak Berkuasa Tempatan yang melantik Yang di- Pertuanya sepenuh masa.
- (b) mengenai kuasa menetapkan kadar elaun Ahli-ahli Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan pula ianya juga ter- letak di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Ja- di, terpulanglah kepada Kera- jaan Negeri untuk mempertim- bangkan sama ada kadar elaun yang dibayar itu perlu dinaik- kan ataupun tidak. Walau bagaimanapun, pihak Kement- erian ada menyediakan satu garis panduan yang boleh di- gunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertim- bangkan kadar bayaran elaun tersebut. Pada masa ini garis panduan itu ialah yang terendah RM200 dan yang tertinggi sekali RM700.

**ORANG ASLI — PROJEK  
PEMBASMIAN RAKYAT  
TERMISKIN**

**13. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan Projek Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) di kalangan masyarakat Orang Asli. Setakat ini didapati kumpulan ini hanya dibekalkan dengan rumah berukuran 10' x 16' sahaja, walhal ketinggalan mereka dalam pembangunan sosio-ekonomi amat ketara:

- (a) adakah maklumat-maklumat terhadap kemiskinan kumpulan ini tidak sampai kepada pihak Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri;
- (b) sejauh mana data-data kemiskinan Orang Asli telah dikumpulkan; dan
- (c) bilakah projek-projek lain (selain daripada rumah) yang dapat mengeluarkan mereka daripada kongkongan kemiskinan dapat disampaikan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Maklumat-maklumat berhubung dengan masyarakat Orang Asli sememangnya terdapat di Jabatan Perdana Menteri, tetapi maklumat yang lebih lengkap dan kemas kini telah diperolehi pada akhir bulan April 1994.
- (b) Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

bersama-sama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan pangkalan data mengenai dan" untuk masyarakat Orang Asli. Pangkalan data ini adalah dalam bentuk Daftar dan Profail utama ketua dan ahli isi rumah Orang Asli.

- (c) Masyarakat Orang Asli boleh menerima kemudahan atau projek pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan Kerajaan selain daripada program dan projek yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Ini termasuklah projek-projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Projek-projek yang dapat mengeluarkan Orang Asli dari kongkongan kemiskinan sememangnya telah dan sedang dijalankan sama ada oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau jabatan/agensi Kerajaan yang berkenaan.

**BELIA LEPAK — KAJIAN**

**14. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan masalah belia lepak dari segi golongan yang terlibat, tempat-tempat melepak, punca-punca berlakunya melepak dan gejala-gejala yang timbul dari isu lepak di negara ini.

**Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun membuat satu kajian. Maka di antara maklumatnya adalah seperti berikut, dari segi komposisi etnik

dan jantina, kajian telah mendapati daripada keseluruhan sampel, 11% adalah remaja Cina, 4% remaja India dan 83% remaja Melayu. Tentang jantina pula, 72% adalah lelaki manakala 28% adalah perempuan.

Daripada 6,110 responden yang ditanya, yang merupakan melepak 36% daripada mereka yang telah bekerja dan selebihnya 64% adalah pelajar. 29% merupakan pelajar Tingkatan 4 dan 5 manakala 5% adalah pelajar Tingkatan 6, pelajar maktab dan universiti adalah 10%.

Jika dilihat dari segi taraf pendidikan responden yang melepak ini, 36% berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran sementara 35% berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia. Mereka yang hanya berkelulusan sekolah rendah adalah 10%. Purata jam melepak mengikut umur (dalam seminggu) 12 hingga 15 tahun — 14.4 jam; antara 16 hingga 18 tahun — 15.8 jam dan antara 19 hingga 21 tahun — 16.8 jam. Antara umur 22 hingga 25 tahun — 18.8 jam, saiz purata lepak ialah 16.3 jam. Antara tempat-tempat yang menjadi pilihan melepak ialah taman-taman rekreasi, kompleks membeli-belah, stesen kereta api, stesen bas dan teksi, tempat-tempat hiburan, simpang jalan, pub, restoran, warung, kedai kopi dan halaman rumah.

Mengikut kajian tingkah-laku lepak di kalangan remaja, faktor-faktor yang menyebabkan belia lepak ialah faktor nilai yang dihubungkan dengan unsur-unsur rakan sebaya atau kawan-kawan dan anggapan bahawa melepak itu bukan membuang masa, tetapi trend remaja masa kini.

Faktor tarikan di mana tempat-tempat awam mempunyai keselesaan nyaman, ada hiburan, ada kelas dan mudah sesuai sebagai tempat temu janji dengan kawan-kawan.

Faktor tolakan di mana mereka merasa di kawasan tempat tinggal mereka tiada kemudahan, ruang rumah yang sempit, tidak ada privacy, dengan izin. Kurang pengawasan daripada keluarga atau keluarga tidak menghalang dan kurang didikan dan tanggungjawab terhadap amalan agama.

Kalau dilihat sepintas lalu tingkah-laku lepak di negara ini belum sampai kepada tahap serius lebih-lebih lagi apabila kita melihat mereka melepak sekadar berjumpa kawan, bersiar-siar, berehat, mencari ketenangan, melepaskan bosan, menghabiskan masa lapang, mendapatkan hiburan dan seronok melihat gelagat orang lain. Kenyataan ini menunjukkan apa yang dilakukan secara terbuka tidak mengarah kepada aktiviti negatif. Namun demikian, mereka mengakui mempunyai kawan-kawan yang melakukan kegiatan berikut:

Menghisap rokok	71%
Mengambil dadah	14%
Minum minuman keras	25%
Menonton filem lucah	40%
Membawa tnajalah lucah	39%
Hubungan seks sebelum kahwin	18%

Daripada penemuan di atas, kita menganggap perkara ini perlu perhatian dan pengamatan masyarakat dengan seriusnya,

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan mengenai 'Melayu 83%' yang terlibat dalam belia lepak, dalam 83% ini, mereka yang terlibat dalam pembacaan majalah lucah ialah 40%.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, selain daripada faktor-faktor mengenai budaya lepak, kerana masalah kekosongan masa dan sebagainya, apakah belia yang 83% ini terdiri kerana pengangguran, kelemahan pendidikan ataupun keadaan persekitaran?

Saya nampak apabila belia lepak ini terus berlaku, terlibat dengan pembacaan majalah lucah dan sebagainya ia boleh membawa kepada suatu keadaan penjenayahan di masa hadapan. Jadi, apakah pihak Kementerian mempunyai langkah-langkah spesifik yang dibuat terhadap belia-belia ini untuk mengatasi perkara budaya lepak ini?

**Tuan Haji Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada nilai-nilai yang ada dalam masyarakat, yang sesungguhnya menggambarkan tentang nilai yang ada di kalangan anak muda Malaysia. Oleh yang demikian, apa jua yang kita hendak laksanakan adalah ke arah untuk memperkukuhkan sistem nilai yang sepatutnya ada pada generasi muda Malaysia, kerana sistem nilai itu akan dapat diterjemahkan dalam bentuk perilaku dan amal-an anak-anak muda itu sendiri. Selain daripada itu, ianya juga berdasarkan kepada penguasaan ilmu, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat bertanyakan tentang program-programnya, maka yang diolah oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan ialah untuk menganjurkan kepelbagaian program ke arah gaya hidup, yang membawa kepada gaya hidup yang ada mutu dan ada kualitinya; bahkan ada wawasannya untuk anak-anak muda tertentu di antara raereka

sesama mereka sebagai satu generasi sebegitu rupa, akhiraya akan dapat diperkukuhkan nilai-nilai yang membawa kepada ketahanan mereka sebagai anak Malaysia dan sebagai bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh misalnya ialah gaya hidup mencintai alam semula jadi. Di antara nilai yang dapat dipupuk di situ ialah kurniaan Allah S.W.T., maka bersyukurlah anak Malaysia tentang alam semula jadi yang indah seperti gunung, sungai, gua, tasik dan sebagainya. Maka di antara gaya hidup yang dianjurkan oleh Kementerian Belia ialah membawa anak-anak muda mencintai, mengalami alam semula jadi sesama mereka berpanjangan sebegitu rupa, merata di seluruh negara kerana Kementerian Belia dan Sukan sudah pun mengesan 30 buah gunung yang boleh dihayati oleh anak-anak mula Malaysia.

Selain daripada bersyukur kepada Tuhan terhadap kejadian ciptaan Tuhan kerana adanya gunung, adanya sungai, adanya suasana kekitaan, semangat bersama-sama mengharungi pengalaman yang manis, yang mencabar, dengan penuh 'excitement', dengan izin. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan cara demikian, nilai-nilai yang baik dapat dipupuk kerana diterjemahkan dalam gaya hidup yang boleh dinikmati oleh anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, gaya hidup ini bukan sahaja dapat dibentuk melalui program Kementerian Belia dan Sukan, sesungguhnya gaya hidup datangnya dari sumber nilai dan nilai itu datangnya daripada keluarga, datangnya daripada sekolah, datangnya daripada masyarakat, datangnya daripada agama. Maka Tuan Yang di-Pertua, ianya merujuk kepada institusi yang lebih penting lagi untuk membentuk nilai-nilai anak-anak muda kita mengatasi masalah lepak.

**PROGRAM TABUNG KEBAJIKAN  
MASYARAKAT — LAPORAN  
KAJIAN**

**15. Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) laporan kajian berkenaan dengan program tabung kebajikan Masyarakat; dan
- (b) adakah wajib untuk melaksanakannya.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kajian berkenaan penubuhan sebuah dana masyarakat atau 'community chest' masih lagi dalam tindakan dan hasil kajian ini akan menentukan sama ada dana masyarakat ini wajib atau sesuai untuk dilaksanakan di negara kita.

**RUMAH KOS RENDAH —  
PEMBINAAN MENCUKUPI  
UNTUK RAKYAT**

**16. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini keutamaan Kerajaan pada ketika ini ialah pembinaan sebilangan rumah kos rendah yang mencukupi untuk keperluan rakyat, apakah tindakan yang akan diambil terhadap negeri-negeri dan pemaju-pemaju perumahan yang sengaja melewati melewati pembinaan rumah-rumah kos rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada pemaju-

pemaju perumahan yang sengaja melambatkan pembinaan rumah kos rendah, Kerajaan-kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap mereka kerana ini telah melanggar syarat-syarat Kerajaan Negeri mengenai penggunaan tanah.

Sekiranya projek yang lambat adalah projek Kerajaan Negeri sendiri, pihak Kementerian sentiasa mengesannya dan akan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengenal pasti masalah yang menjadi punca kelewatan serta rnebantu mereka mencari jalan mengatasinya.

Pada akhir-akhir ini Kementerian begitu optimis dengan pencapaian matlamat pembinaan rumah kos rendah kerana memandangkan sambutan yang memberangsangkan dari Kerajaan-kerajaan negeri untuk menyediakan tanah-tanah untuk projek rumah kos rendah, setelah disarankan berbuat demikian oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**PLUS — MEMBEKALKAN  
PERKHIDMATAN BAGI  
PENGGUNA-PENGGUNA  
LEBUH RAYA**

**17. Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian akan mendesak pihak PLUS supaya membekalkan semua perkhidmatan yang perlu bagi pengguna-pengguna lebuhraya terutamanya perkhidmatan stesen minyak, kedai-kedai makanan dan minuman serta tandas yang mencukupi dengan secepat mungkin memandangkan Lebuhraya Utara-Selatan telah digunakan hampir 1/2 tahun dan memandangkan bayaran yang dikenakan oleh pihak PLUS adalah berdasarkan kepada kegunaan jalan termasuk juga pelbagai perkhidmatan,

adakah Menteri berkenaan akan mendesak pihak PLUS untuk memberi diskaun kepada bayaran tol yang dikenakan oleh mereka sekarang. Jika tidak adakah pihak Menteri juga bercadang untuk menunda tarikh berkuatkuasa kenaikan kadar tol apabila tiba masanya mengikut perjanjian sejajar dengan tempoh dari mana PLUS tidak memberi kemudahan penuh yang dikira dari tarikh Lebu Raya Utara-Selatan digunakan-

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan/Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang telah mendesak pihak Syarikat Konsesi iaitu PLUS Bhd. supaya menyoerakan kerja-kerja, pembinaan kawasan riha dan rawat serta hentian sebelah di Lebu Raya Utara-Selatan. Terdapat sebanyak 18 kawasan riha dan rawat dan 46 tempat hentian sebelah di sepanjang lebu raya ini.

Buat masa ini gerai makan, tandas dan surau bagi semua kawasan riha dan rawat serta 43 hentian sebelah jalan itu telah siap dan beroperasi.

Berkaitan dengan stesen minyak, pembinaan beberapa ~ stesen minyak dijangka akan dimulakan bila-bila masa di kawasan riha dan rawat berikut:

- (i) Pagoh;
- (ii) Tapah;
- (iii) Sungai Perak; dan
- (iv) Gurun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mendesak pihak PLUS Bhd. untuk memberi diskaun atau menunda kenaikan tol kerana perkara mengenai kadar tol dan tarikh kenaikan adalah dinyatakan di dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan dengan PLUS Bhd. pada 18hb Mac tahun 1988. Di bawah per-

janjian konsesi, sekiranya Kerajaan meminta PLUS Bhd. memberi diskaun atau menanggihkan kenaikan tol, Kerajaan dikehendaki membayar pampasan kepada syarikat konsesi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

#### **PELAJAR ASING BEKERJA DI MALAYSIA — JUMLAH**

**18. Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai pelajar-pelajar asing yang belajar di Malaysia dan setelah lulus pengajian mereka dan berapa pula yang bekerja di negara ini; dan adakah dasar ini patut diteruskan.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar asing yang menuntut di universiti-universiti tempatan bagi sesi 1993/1994 untuk semua peringkat pengajian ialah seramai 1,676 orang. Setelah menamatkan pengajian, mereka bebas sama ada kembali berkhidmat di negara asal atau bekerja di negara ini bergantung kepada peraturan-peraturan imigresen. Setakat ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai rekod jumlah mereka yang bekerja di negara ini.

#### **AKTA FELDA — PINDAAN**

**19. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Kerajaan hendak meminda Akta FELDA yang sudah berusia 38 tahun supaya bersesuaian dengan kehendak terkini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, Akta FELDA, iaitu Akta Kemajuan Tanah 1956 telah pun dibuat pindaan pada tahun 1992 yang lalu. Di antara pindaan utama adalah memberikan kuasa kepada FELDA menubuhkan syarikat dan tabung-tabung dengan kutipan daripada peneroka. Pindaan ini adalah berikutan dengan keperluan semasa dan perkembangan pesat yang berlaku kepada FELDA. Operasi FELDA telah berkembang daripada aktiviti pembangunan tanah dan penempatan peneroka semata-mata kepada aktiviti hiliran dalam bidang pemerosesan, pemasaran, pengangkutan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membuat pindaan lagi ke atas Akta ini. Walaupun begitu, Kementerian sedang meneliti peranan masa depan FELDA supaya sesuai dengan perubahan senario pembangunan negara.

**PELABUHAN DI TUMPAT,  
KELANTAN — CADANGAN  
PEMBINAAN**

**20. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pelabuhan di Tumpat, Kelantan untuk dijadikan sebagai pintu masuk ke negara ini bagi pedagang-pedagang dari negara-negara Indo-China yang sedang pesat membangun. Kalau tidak, sila kemukakan alasan-alasan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan satu rangka rancangan

menyeluruh mengenai pembangunan pelabuhan-pelabuhan Malaysia berasaskan kepada hasil daripada kajian pelabuhan-pelabuhan kebangsaan. Kajian tersebut tidak memperakui pembangunan satu lagi pelabuhan di Pantai Timur kerana kawasan tersebut mempunyai dua pelabuhan iaitu Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan yang mampu mengendalikan kargo dari negara-negara Indo-China dan rantau Pasifik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 56 adalah dijilid dalam buku berasingan)*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN  
URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT DAN  
PENANGGUHAN**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai dipertimbangkan kesemua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul atas nama Timbalan Menteri Kewangan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai dipertimbangkan kesemua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM (WILAYAH-  
WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga  
3.35 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 ini perlu diadakan bagi meminda Akta Undang-undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang sudah berkuatkuasa pada masa ini. Pindaan-pindaan ini perlu dilakukan agar ianya selaras dengan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang telah berkuatkuasa pada 15hb Oktober, 1993, di samping untuk mengemaskinikan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Undang-undang yang dicadangkan ini telah digubal dan dihalusi oleh Jawatankuasa Penggubal Undang-undang Islam yang dilantik khas oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa ini telah meneliti peruntukan-peruntukan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan mendapati perlunya beberapa pindaan dibuat bagi memperkemas lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada agar ianya dapat memenuhi kehendak-kehendak masyarakat semasa.

Secara umumnya Rang Undang-undang ini dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pemansuhan kandungan peruntukan yang sedia ada dan digantikan dengan kandungan peruntukan baru dan pengenalan peruntukan baru.

Pindaan kepada Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 memperlihatkan pengenalan kepada beberapa tafsiran baru seperti Akta Pentadbiran, Baligh, Ketua Pendakwa Syarie, Mahkamah dan sebagai-

nya. Pengenalan tafsiran baru ini dibuat atas alasan agar ianya selaras dengan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 yang telah berkuatkuasa dan juga untuk mengemaskinikan tafsiran yang sedia ada.

Seksyen 12 pula dipinda bagi membolehkan Seksyen 12(2) dimasukkan. Seksyen ini memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan yang berlawanan dengan peruntukan Bahagian II Akta boleh didaftarkan dengan perintah mahkamah jika ianya sah mengikut hukum syarak.

Seksyen 23(1) pula dipinda dengan memansuhkan peruntukan yang lama dan digantikan dengan yang baru bagi membolehkan sesuatu perkahwinan yang tidak mendapat kebenaran dari mahkamah didaftarkan di bawah Akta ini dengan syarat ianya hendaklah sah di sisi hukum syarak. Peruntukan mengenai perceraian dengan li'an diperkenalkan di bawah Seksyen 50A. Ini bagi membolehkan sesuatu perkahwinan itu difarakkan oleh Hakim dan merekodkan perceraian mereka.

Seksyen 53(1) pula dipinda bagi membolehkan seseorang wanita yang kebilangan suami dan telah tidak dengar khabar selama empat tahun atau lebih berkahwin semula setelah siasatan dibuat, dan setelah Mahkamah memperakukan ketiadaan suami wanita tersebut dan wanita tersebut boleh memohon bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh.

Kandungan Seksyen 55 diperkenalkan, di mana lafaz talaq atau perintah perceraian tidak boleh didaftarkan me-

lainkan Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa Mahkamah telah membuat perintah muktamad. Bagi perceraian di luar Mahkamah pula, pendaftaran boieh dibuat selepas tujuh hari dari tarikh lafaz itu dibuat kepada Mahkamah. Inj diperlihatkan dalam Seksyen 55A.

Di dalam perkara mengenai penjagaan kanak-kanak pula, Seksyen 83(a) membolehkan seseorang wanita yang berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu, mendapat kembali hak penjagaannya setelah perkahwinan tersebut dibubarkan. Mahkamah menerusi Seksyen 86(5) pula boleh mengeluarkan perintah interim untuk menempatkan anak-anak itu di dalam institusi atau persatuan atau orang perseorangan sehingga perintah mengenai penjagaan dibuat.

Seksyen 121 pula dipinda bagi membolehkan orang perseorangan yang tidak berpuas hati dengan keputusan mana-mana mahkamah merayu kepada Mahkamah Rayuan

Seksyen 132 pula membolehkan mahkamah melevi amaun yang diperintah untuk dibayar atau dijatuhkan hukum penjara kerana Kegagalan mematuhi perintah yang telah dibuat.

daripada peraturan-peraturan yang telah dijelaskan, terdapat beberapa peruntukan lain yang dipinda dari segi teknikal agar ianya selari dengan perkembangan masyarakat Islam masa kini, dan di samping itu memperjelaskan lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah diperkatakan adalah didapati bahawa pindaan-pindaan untuk Akta Undang-

undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1984 adalah perlu dibuat agar peruntukan undang-undang yang sedia ada itu dapat dikemaskinikan dan diselaraskan dengan peraturan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*3.40 ptg.*

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang telah pun mempunyai cita-cita yang begitu baik dalam melaksanakan Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) ini. Walau apa yang telah pun dibuat pindaan di dalam berbagai fasal dalam Undang-undang Kekeluargaan Islam ini adalah membuktikan bahawa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) ini adalah Rang Undang-undang yang benar-

benar untuk menjadikan suatu pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di dalam negara ini mengikut lunas-lunas Al-Quran dan Hadis.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam ini sama ada Wilayah Persekutuan ataupun di seluruh negeri-negeri dalam negara Malaysia ini, masih kedapatan tidak ada penyelarasan Undang-undang Keluarga Islam di semua negeri-negeri. Kalau kita lihat di negeri Kelantan misalnya mempunyai Rang Undang-undang Keluarga Islam mereka yang tersendiri. Begitu juga di beberapa buah negeri-negeri dalam negara Malaysia ini. Apakah pihak di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak dapat memikirkan cara dan bentuknya untuk mengadakan penyelarasan undang-undang ini dengan Kerajaan-kerajaan negeri di seluruh negara ini?

Di samping itu, dalam pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam ini masih kedapatan kurang kecekapan para kadi yang begitu ketara sekali. Kelemahan yang kedapatan yang mana banyak daripada kes-kes yang masih tertangguh dan banyak daripada mereka yang telah pun membuat pengaduan kepada pihak Jabatan-jabatan Agama yang berkaitan dengan sama ada perceraian, talak dan sebagainya, tetapi masih kedapatan mereka ini tidak diberi suatu tindakan yang cepat dan segera. Di samping itu, saya memohon kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya para kadi yang berada di seluruh Mahkamah Syariah di seluruh negara ini diadakan kursus dan juga latihan-latihan yang agak lebih berkesan dalam melaksanakan tugas mereka khususnya di bidang pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam.

Saya ingin juga menyatakan di Dewan yang mulia ini mengenai masih kedapatan kaum-kaum wanita di negara ini yang kita lihat berada di bawah penganiayaan terhadap suami-suami yang begitu melaksanakan kekejaman mereka, misalnya melakukan pukul ataupun tuduhan-tuduhan yang tidak tepat dan juga memeras wang dan sebagainya. Penganiayaan yang telah dilakukan oleh para suami kepada para isteri masih ada berselindung di kampung-kampung dan di desa-desa. Sikap kaum wanita yang begitu takut untuk membuat pengaduan kepada pihak yang berkenaan masih kedapatan. Apakah cara dan langkah yang perlu difikirkan bersama oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memberi galakan kepada kaum-kaum wanita supaya mereka ini lebih berani dan juga ingin menggunakan tempat ataupun Mahkamah Syariah sebagai tempat pengaduan mereka? Dan para suami, saya nyatakan di sini bahawa- masih kedapatan mereka yang telah pun mendirikan rumah tangga, tetapi tidak mempunyai ataupun tidak memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab mereka.

Saya mengambil kesempatan juga mengucapkan tahniah, masih kedapatan kursus-kursus perkahwinan yang diadakan kepada pasangan-pasangan yang akan mendirikan rumah tangga. Ini adalah perkara yang paling baik, kerana dengan adanya kursus-kursus perkahwinan yang telah dianjurkan oleh pihak Jabatan-jabatan Kadi ataupun Jabatan Agama Islam di seluruh negeri-negeri, kerana dengan secara tidak langsung ini akan mendedahkan tanggungjawab antara isteri dan juga suami. Walau bagaimanapun, dalam kursus-kursus perkahwinan ini perlu ditekankan kepada mere-

ka betapa mustahaknya tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ibu juga sebagai bapa dalam melahirkan anak-anak yang benar-benar mempunyai pendidikan-pendidikan yang baik.

Di samping itu juga, saya amat mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang telah pun mengadakan Fasal 16, iaitu di bawah Seksyen 126, berhubung dengan menambahkan penalti daripada RM500 kepada RM1,000 kepada kesalahan meninggalkan langsung kepada para isteri. Ini adalah semua seksyen yang telah disebut di dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 1994 ini adalah menunjukkan kebanyakan daripadanya ialah memberi pembelaan khususnya kepada kaum-kaum wanita sama ada di bidang hadanah penjagaan anak dan juga di bidang perceraian dan sebagainya.

Selain dari itu, kedapatan juga para isteri yang telah pun ditalakkan oleh suaminya. Saya telah diberi pengaduan oleh beberapa orang isteri yang mana ada di antara suami yang telah menalakkan isterinya, tetapi suami tersebut tidak mengerti istilah talak yang sebenarnya. Dan ini kedapatan kebanyakan daripada mereka yang telah mendirikan rumah tangga tetapi tidak diberi kefahaman yang jelas mengenai kedudukan mereka bagaimanakah pelaksanaan sebutan talak dan sebagainya.

Yang sebenarnya, kita sebagai, khususnya para ibu bapa misalnya setelah anak-anak mereka mendirikan rumah tangga, kita tidak mengambil peranan ataupun pihak Jabatan Agama Islam Negeri-negeri juga tidak ada memberi penerangan yang begitu detail

kepada mereka dan menyebabkan perkataan atau sebutan 'talak' itu disebut oleh para suami yang tidak mempunyai latar belakang agama yang baik dengan begitu mudah dan gurau senda yang begitu remeh sekali.

Sepatutnya pihak Jabatan di bawah Undang-undang Keluarga Islam ini juga perlu kita menyatakan sama ada dalam — saya masih kelihatan-lagi khutbah nikah yang 'dibaca dalam bahasa Arab yang begitu panjang tetapi tidak difahami oleh pasangan suami isteri. Apa salahnya kalau kita syaratkan semasa hendak 'mengangkat' nikah itu dibacakan sedikit daripada peraturan-peraturan ataupun syarat-syarat nikah kahwin dalam bahasa Malaysia, yang mana seorang isteri ataupun seorang suami sepatutnya menjalankan mengikut secara Islam seperti yang telah disebutkan dan yang telah pun dijelaskan oleh Al-Quran? Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua (*membaca Ayat dalam bahasa Arab*) yang bererti: "Pergaulilah mereka dengan yang sebaik-baiknya". Kalau ini dapat dilakukan, lebih berkesan daripada kita mengadakan kursus-kursus perkahwinan sahaja. Kerana apabila seseorang itu hendak 'mengangkat' nikah, diijabkabulkan, mereka perlu mendengar sedikit daripada pandangan ataupun penerangan daripada imara yang bertanggungjawab untuk mengakad atau mengijabkabulkan nikah mereka itu mengenai tanggungjawab mereka.

Saya telah dengar sendiri bagaimana apabila diijabkabulkan satu pasangan itu untuk berkahwin, tetapi imam itu lebih banyak membaca dalam bahasa Arab dan menyebabkan pasangan suami isteri yang hendak berkahwin itu bertukar, diingatkan doa misalnya. Tetapi sebenar-

nya, di dalam khutbah itu juga menceritakan tentang tanggungjawab mereka. Apa salahnya kalau ia dijadikan satu syarat untuk dibacakan dalam bahasa Malaysia untuk difahami oleh kedua-dua belah pihak?

Di samping itu juga, saya amat berpuas hati dengan Seksyen 83(a) iaitu wanita diberi hak sebagai ibu untuk menjaga anak mereka ataupun ada satu peraturan khusus untuk bagaimana menyerahkan anak-anak ini sama ada kepada pertubuhan atau orang perseorangan. Tetapi sejauh manakah perkara ini dapat dijalankan oleh pihak yang berkuasa mengenai pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam ini. Kerana dalam keadaan sekarang yang kita lihat banyak kejadian-kejadian yang berlaku mendera kanak-kanak dan sebagainya, kalau kita lihat dari segi tarbiahnya pun ibu adalah mereka yang paling sesuai untuk melaksanakan tugasnya dalam memberi penjagaan atau hadanah kepada anak-anak yang berlaku perceraian di kalangan ibu bapa mereka.

Di samping itu saya ingin mencelah suatu perkara yang walaupun ini tidak ada dalam . Akta, tidak ada di dalam pindaan-pindaan yang disebut, tetapi ingin saya bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang ada kaitannya mengenai isteri-isteri yang telah pun kematian suami tetapi mereka ini, saya kedapatan ramai daripada isteri-isteri pegawai-pegawai Kerajaan ataupun isteri mereka yang menerima pencen kerana kematian suaminya, tetapi tidak mendirikan rumah tangga selepas kematian suaminya walaupun mereka masih muda dan belia, masih boleh mendirikan rumah tangga tetapi mereka terpaksa menahan diri mereka kerana takut kehilangan hak-hak pencen yang telah kematian suami.

Oleh kerana ini ada kaitannya dengan Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya dasar dan juga Akta ini perlulah dibuat satu kajian yang terperinci kerana kalau kita dapat lihat dari segi undang-undang Islam sendiri, dalam segi peraturan yang telah digariskan oleh Allah S.W.T. kepada kita bahawa tidak ada hak bagi kita untuk menahan mereka yang akan mendirikan rumah tangga.

Tetapi dalam soal isteri-isteri pegawai Kerajaan, kalau dibuat kajian, ada di kalangan mereka yang telah pun kematian suami dalam usia yang muda tetapi tidak berani untuk mendirikan rumah tangga takut kehilangan hak-hak pencen "mereka. Dan kalau ini tidak dapat kita kaji semula kedudukannya maka kita tidak termasuklah dalam penerapan nilai-nilai Islam kita dalam bidang tersebut. Kerana ini adalah boleh menjejaskan kepada kaum-kaum wanita khususnya mereka yang telah pun menerima pencen keluarga apabila kematian suami. Jadi, saya mengharapkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya membuat kajian semula mengenai kedudukan yang tersebut kerana ini dengan secara langsung kita memberi kebebasan kepada kaum wanita khususnya yang telah pun ditinggalkan oleh suami mereka supaya dapat mereka khususnya menjalankan penghidupan mereka dengan mendirikan rumah tangga yang baru walaupun telah kehilangan suaminya khususnya dengan penerimaan pencen daripada suaminya yang telah meninggal dunia.

Dan di antara kesemua yang telah pun saya teliti daripada pindaan-pindaan yang telah disebut di dalam Rang

Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah-Persekutuan) (Pindaan) 1994 ini keseluruhannya bagi saya adalah perkara yang sangat baik dan disusun dengan begitu baik sekali demi untuk kepentingan masyarakat Islam, untuk melahirkan masyarakat Islam yang benar-benar tersusun dan keluarga Islam yang bersandarkan kepada Al-Quran dan Hadis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, saya menyokong - Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh.

3.55 *ptg.*

**Puan Hajah Rabmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang menyokong Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang untuk meminda suatu Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 tidak dapat dinafikan pentingnya untuk menjaga hak sesuatu keluarga. Saya percaya, dengan wujudnya pindaan Akta ini dapatlah menjaga kepentingan kaum/isteri khususnya dan juga anak-anak keluarga tersebut daripada kesan perceraian ataupun perkahwinan baru oleh pihak suami. Oleh yang demikian, status seorang wanita ataupun isteri akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam Agama Islam seorang lelaki iaitu suami tidak memerlukan izin isteri untuk berkahwin lagi, tetapi tidak dinafikan

terdapatnya garis panduan bagi si suami sama ada ia mampu atau tidak dari segi ekonomi dan juga fizikal untuk bersikap adil terhadap ahli-ahli keluarganya. Pada masa kini terdapat banyak kes pihak suami daripada pelbagai status kedudukan sosial dan ekonomi berkahwin di negara jiran untuk mengatasi masalah mendapat keizinan daripada isteri yang pertama.

Di dalam usaha untuk mengatasi apa yang bertentangan ini, satu "daya usaha harus diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang tersebut. Adalah tidak adil bagi isteri jika suaminya tidak berkemampuan dari segi ekonomi dan fizikal bertindak untuk berkahwin lagi' kerana ini akan menjejaskan kedudukan keluarga dan juga anak-anak dari segi sosial dan juga ekonomi. Sebaliknya, adalah tidak adil pula bagi si suami yang berkemampuan untuk beristeri lebih dari satu di halang berbuat demikian. Tetapi dengan syarat mereka mestilah mengikut lunas-lunas Islam kerana mungkin si isteri tidak mempunyai sepenuhnya tugas-tugas seorang isteri disabitkan mereka ini sakit ataupun mempunyai gangguan emosi dan mental.

Tuan Yang di-Pertua, dengah ini saya ingin mencadangkan dalam Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah sebegini jika sekiranya terdapat atau berlaku perceraian di dalam keluarga Islam yang mana harta sepencarian selalunya akan menjadi satu masalah besar di kalangan pihak yang bercerai. Saya cadangkan satu usaha untuk mencari satu formula yang adil di dalam menyelesaikan masalah harta sepencarian mesti diadakan sebagai satu garis panduan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anak-anak pula kepada kebiasaannya, akan menjadi tanggungjawab pihak isteri untuk memelihara mereka-mereka ini. Si suami khasnya suami yang berkahwin baru apatah lagi mempunyai anak pula, dari hasil perkahwinan barunya, tidak akan mengambil berat di atas anak-anak hasil perkahwinannya dengan isterinya yang pertama. Saya fikir, satu usaha yang berkesan mestilah diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengikut artikel-artikel di dalam majalah atau akhbar-akhbar harian seperti *Mingguan Malaysia* khasnya, column keluarga, Cik Maimunah .Di Celah-celah Kehidupan' — terdapat masalah-masalah perasaan tak bertanggungjawab dan berat sebelah daripada kakitangan-kakitangan lelaki. Di Mahkamah Syariah perkara ini haruslah disiasat sama ada ia benar ataupun hanya tuduhan palsu kerana ia melibatkan kredibiliti mahkamah tersebut. Adalah tidak adil bagi kakitangan mahkamah bertindak sedemikian, sekiranya ianya benar ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah sesuatu kes untuk laporan hendaklah diberi satu jangka masa yang tertentu untuk diselesaikan kerana jika masanya terlalu lama, ia akan melibatkan kebajikan isteri-isteri dan juga anak-anak mereka khususnya dari segi ekonomi dan sosial mereka ini akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan pindaan Akta Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 adalah memberi cadangan jalan yang

sebaik-baiknya untuk mengatasi masalah-masalahnya ialah dengan mengikut lunas-lunas Al-Quran dan Hadis. Kakitangan yang terlibat haruslah mereka yang pakar di dalam bidang mereka tanpa mempunyai sikap prejudis mereka.

Mereka mestilah berpengetahuan di dalam selok-belok syarie untuk memikul tanggungjawab ini demi untuk bersikap adil dan juga melindungi imej agama Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam yang sedia ada dan berjaya mengemaskini dan seterusnya menyelaraskan peruntukan-peruntukan di dalam Akta, tepat dan sesuai mengikut kehendak hukum Islam. Saya berharap usaha untuk terus meningkatkan pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam ini perlulah diambil kira supaya penguatkuasaan dijalankan dengan penuh adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

4.02 ptg.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perdana Menteri.

Saya di sini tidak ada banyak yang hendak disentuh tetapi dengan adanya pindaan Undang-undang Keluarga Islam ini, kita dapat mengatasi jumlah pencerai-an yang sebegitu tinggi yang mana selalu kita dapati pencerai-an yang herliku ini kadang-kadang tidak munasabah, kerana perkara yang sekecil-kecilnya pun boleh jadi cerai-berai, apatah lagi dengan perkara yang besar, lebih-lebih lagi yang mempunyai anak yang ramai dalam persekolahan, yang mana bila berlaku pencerai-an anak-anak ini selalunya tidak duduk dengan ibu bapa, kadang-kala tidak duduk dengan keluarga, yang menerimanya adalah rumah anak yatim. Maka itulah sebabnya rumah anak yatim sekarang ini, di mana-mana tempat dan mana-mana daerah pun sudah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penjagaan anak pula, manakala pencerai-an berlaku, anak-anak ini kerap kalinya adalah tanggungan ibunya sendiri yang mana mahkamah telah menjatuhkan hukum mengatakan kena bayar duit makan, sara hidup anak dan sebagainya, tetapi janji tinggal janji sahaja. Yang kerap berlaku ibulah yang menderita. Ibu yang muda tadi kalau hendak bekerja tidak berdaya — siapa pula yang hendak menjaga anak yang berumur daripada 4 tahun sampai ke 6 bulan? Di sinilah tergendalanya anak-anak yang tidak bersekolah, yang tidak ada kasih sayang terus daripada ibu bapa.

Penderaan terhadap isteri memang ada, kadang-kala penderaan ini tersembunyi, tidak dapat dikeluarkan, tidak dapat diadukan ke mana-mana. Kalau pergi ke pejabat agama dinasihatkan supaya bersabar, tetapi mana-mana isteri yang mempunyai suami yang garang, bila kala dia balik rumah lagi dideranya.

Kadang-kala ibu yang menderita ini tahan sehingga ia tua memandangkan anak-anak sudah besar ataupun malu dengan anak-anaknya sendiri. Mahkamah Syariah pula perlu ditambah pegawai-pegawai kerana pegawai yang ada sekarang ini memanglah tidak mencukupi. Dengan hendak memberi ceramah agama, dengan hendak memberi ceramah kepada orang-orang muda yang baru hendak berumah tangga, dengan menjaga perkara-perkara maksiat yang berlaku sebegitu banyak dan lain-lain lagi — tidak dapat diatasinya.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha berkenaan dengan perkahwinan orang-orang muda kita. Memang patut diadakan kursus sebanyak-banyaknya, sebab kita dahulu memang ada berlaku, tetapi semasa kita muda-muda dahulu kahwin, tidaklah sebegini banyak berlaku pencecairan sebab pencabaran kurang sekali. Ini, dengan pencabaran dengan kaedah yang ada sekarang ini, perkara yang tidak pernah kita tengok — kita sudah tengok, yang tidak 'pernah terjadi' — sudah pun ada yang jadi, maka itu eloklah kita suruh anak-anak muda ini berkursus betul-betul. Sebab, saya bukan difahamkan tetapi saya pernah mendengar, manakala hendak memberi ceramah agama berkenaan hal berumah tangga, suruh mengucap pun, kadang-kadang tidak tahu. Lebih lagi menggeliikan hati bila disuruh dia mengucap, diberinya suara 'bang' — seolah-olah macam orang hendak sembahyang zohor. Inilah yang membuatkan kekeliruan kepada orang-orang muda sekarang katanya, hendak kahwin pun susah. Pada hal diri sendiri pun tidak dikemaskinikan terlebih dahulu untuk mendirikan rumah tangga sendiri.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad.

4.05 *ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang, suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah, Persekutuan) 1984 yang dikemukakan. Pindaan ini dibuat adalah dengan tujuan memperketatkan lagi Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) supaya kehidupan keluarga Islam bertambah bahagia, aman damai sehingga ke anak cucu. Apa sahaja undang-undang dan pindaan yang dibuat oleh Wilayah adalah bertujuan memperbaiki undang-undang itu supaya peralirannya menuju ke arah perundangan Islam yang sebenar.

Sungguhpun begitu di dapati bahawa kelemahan-kelemahan masih ada lagi di dalam undang-undang ini kerana masih belum mengikut kehendak-kehendak Islam, mengikut kehendak-kehendak Al-Quran dan Hadis Nabi dan juga kelemahannya dalam melaksanakan undang-undang ini. Undang-undangnya bagus tetapi bila hendak laksanakannya kurang bagus. Kemudian Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) ini lebih maju sedikit daripada undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Jadi, sebab itu selalu mereka yang hendak lari dari undang-undang Islam, dia lari ke negeri lain untuk membolehkan dia dapat keistimewaan, tidak terkena dengan undang-undang dan hukum syarak di Wilayah Persekutuan ini. Contoh kelemahan yang saya katakan di Wilayah ini ialah tentang memohon perkahwinan lebih dari satu dan juga memohon penceraian, apabila sahaja tidak sesuai dengan isteri akibat kerana selalu bergaduh. Yang bergaduh ini bukanlah di peringkat miskin sahaja, kerana tidak makan, tetapi peringkat orang-orang yang kaya-kaya, korporat dan lain-lain. Isterinya pun orang-orang yang korporat juga. Selalu bergaduh dan hendak bercerai. Bila membuat permohonan penceraian sangat lambat — bertahun-tahun, dengan rayuan dan lain-lain sehingga menyebabkan suaminya terpaksa bersekedudukan dengan orang lain dan isterinya juga mencari orang lain untuk membolehkan dia melepaskan nafsunya. Jadi, kelambatan penceraian itu patut dipercepatkan oleh hakim-hakim.

Kedua, mereka yang memohon berkahwin lebih dari satu, yang terdaya dalam semua hal — duitnya ada, kekuatannya fizikalnya, nafsunya pun kuat, tetapi tidak dibenarkan berkahwin. Undang-undang yang paling teruk sekali di dalam negeri-negeri di dalam Malaysia ini ialah Wilayah. Saya membaca satu kes seorang korporat yang kaya, yang ingin berkahwin dengan seorang bintang filem, kemudian dia memohon untuk berkahwin itu secara jelas daripada Wilayah. Permohonannya itu dibicarakan dan beritanya disiarkan dengan seluas-luasnya di dalam akhbar, tidak malu-malu dia, asalkan dapat kahwin, jadilah. Tetapi selepas bicara, bicara, bicara, isterinya pula boleh

campur tangan. Ini yang saya kata kadang-kadang tidak sesuai dengari undang-undang kerana bertentangan dengan Quran dan Hadis. Apabila seseorang yang hendak beristeri lebih daripada satu — kita pun sudah tahu, kalau baca selalu pun — boleh. Apabila dia ada kekuatan, wang ringgit, harta-benda, fizikal dan lain-lain, dia boleh beristeri lebih daripada satu dengan tidak payah minta izin isteri. Tetapi kita buat untuk meminta izin isteri ini, mengisi borang kerana kita dapat melihat bahawa kekuatan dia menjaga isteri yang pertama dengan anak-anaknya; kemudian dia kemukakan bagaimana kekuatannya daripada semua segi untuk menanggung isterinya yang kedua pula. Tetapi apabila semua borang-borang telah diisi, semua kebolehan sudah ada, isterinya membuat bantahan. Isterinya mengatakan bahawa "Saya daripada segi fizikal dan daripada segi wang pun semua lengkap. Apa lagi hendak kahwin lagi satu? Cukup saya punya".

Kemudian hakim ini — Hakim Mahkamah Syariah sepatutnya membicarakan, tetapi Hakim di Wilayah Persekutuan memanggil Hakim Mahkamah Syariah dengan dipengerusikan oleh seorang hakim luar yang biasa duduk di London, yang biasa melihat undang-undang Inggeris. Akhirnya semua Hakim-hakim Mahkamah Syariah ini tunduk kepada Pengerusi Hakim itu dan tidak membenarkan wanita ini tadi berkahwin dengan seorang korporat yang kaya. Sudah bertahun bicara, entah berapa lama mereka bersekedudukan dua orang. Tentulah dia bersekedudukan! Dia boleh bebas! Hendak kahwin tidak dapat, dia bawa tidur ke hotel-hotel! Siapa menanggung dosa?

Kemudian akhirnya, dia pergi ke negeri lain dalam Malaysia ini — dapat juga kahwin. Ketawalah orang semua mentertawakan undang-undang perceraian yang dibuat di Wilayah Persekutuan. Jadi, menyiksa-nyeksakan orang macam itu, tak payah! Kalau dia hendak kahwin, kahwinkanlah, asal dia ada kelayakan. Hendak bercerai pun, bercerailah sebab Tuhan mengatakan, "Kalau kita sudah tidak sesuai dengan isteri kita, bercerailah, (Tuhan mengatakan) matiah-mudahan orang perempuan yang dicerai oleh suaminya itu akan mendapat seorang suami yang lebih elok". Ini ayat Quran kata. Dan orang lelaki yang menceraikan isteri itu akan diberi oleh Tuhan seorang isteri yang lebih baik. Daripada bertengkar tak sudah-sudah, hendak bercerai payah, cerailah! Menimbun lelaki yang ada dalam dunia ini boleh kahwin lebih cantik, kenapa kita menyeksakan? Seksa hendak cerai! Sampai sahaja di pejabat kadi — saya ada dua tiga orang saya hantarkan, kadi kata, "Apa fasal pula engkau hendak bercerai?" Dia kata, "Suami saya begitu zalim, dia gigit saya". Gigit — buka ini semua, tampuk dia gigit! (*Ketawa*) Habis dia gigit! Agaknya dia fesyen negro atau apakah ya, begitu zalim.

Habis, hendak bercerai. Dia kata, "Aku nasihatkan engkau, pulanglah dahulu. Berbaik-baiklah, nanti aku panggil suami engkau". Panggil suaminya pun tak hendak datang. "Apa ada hak kadi hendak panggil aku?" katanya. Kemudian dia kata, "Okay". Suaminya datarig, dia kata, "Memang perangai saya macam itu. Kalau dia tak tahan, dia pergilah minta cerai, saya boleh cari

perempuan yang tahan!" Kemudian, tak juga cerai-cerai. Jadi menyeksakan. Saya fikir, ikutlah aturan ayat-ayat Quran, "Apabila dua orang suami isteri yang sudah tidak sesuai lagi, hendaklah kita lekas ceraikan dia kerana (Tuhan mengatakan) apabila seorang itu bercerai, Tuhan akan memberikan suami yang lebih baik dan dia akan diberi isteri yang lebih baik". Jadi, pakailah ayat Quran.

Jadi saya rasa, kerana terlalu ketat, kadang-kadang tidak munasabah, sedangkan dalam bandar ini, saya diberitahu, saya tak ada banci, orang-orang yang sudah membanci mengatakan dalam bandar ini seorang lelaki: 14 perempuan. Jadi, di mana dia hendak mencari suami? Terpaksalah ambil suami orang sedikit — bahagi-bahagilah sedikit, ya? Tahanlah ya? Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, tahanlah sedikit, ya? Apa salahnya misalannya? Bukan luak sangat, tak ada luak apa-apa! Satu tak ada luak! Macam mana fizikal kita ini pergi ke rumah isteri yang pertama, macam itulah rupanya juga. Pergi ke rumah isteri yang kedua, ini juga fizikalnya dan macam ini juga cantiknya ya? Apa yang gaduh? Apa ada cacat?

Kemudian duit. Memang Tuhan beri rezeki. Tuan-tuan belum cuba, saya sudah cuba. (*Ketawa*) Tuhan beri rezeki. Saya dahulu tarik kereta lembu. Bila buat perangai satu lagi itu, langsung dapat menjadi Ahli Exco. Lapan tahun selepas itu, naik menjadi Senator ini. Tak percaya, cubalah buat ya, siapa berani. (*Ketawa*) Jadi, rezeki ini memang Tuhan kasi. Kenapa kita takut?

Kemudian, apabila kita membenarkan dia, jadi tak adalah banyak terlibat dalam persetubuhan haram, menyimpan wanita, kemudian berlaku pelacuran dan

lain-lain. Jadi untuk mengelakkan pelacuran, untuk mengelakkan segala jenis kekotoran, supaya jangan kita menyimpan sahaja, tidak berkahwin. Bukan susah sangat kahwin. Susah pun tak ada. Ada seorang lelaki yang hendak berkahwin; seorang pengantin perempuan; kemudian bapanya sebagai walinya; kemudian ada dua orang saksi — cukuplah, lima orang. Kemudian apabila hendak bernikah, kita cakap, "Aku terima nikahnya Hasanah dengan mas kahwinnya RM40, tunai atau hutang". Sudah selesai! macam itu punya ringan sahaja kerjanya, daripada kita hambat bawa ke hotel ke sana-sini, sampai bawa ke Siam, bawa pergi ke negeri Jepun, belanja RM80,000, bawa pergi ke London.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Ya, ya.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah mengatakan tidak susah hendak berpoligami ini, Islam pun suruh dan Al-Quran pun suruh. Saya memang setuju, itu memang ada dalam Al-Quran, tetapi, dengan izin, kalau rujuk kepada Al-Quran, "Fankihu mathaba lakum minannisaa' mathna wathulatha waruba', alla ta'dilu" — yang masalahnya, dalam Islam dibenarkan. Tetapi saya tafsirkan ini mengikut Al-Quran, bukan mengikut Al-Arqam. Al-Arqam, dia tafsirkan terbalik. "Kahwinilah wanita itu dua, tiga dan empat". Tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad, "alla ta'dilu' — "Sejauh manakah yang dikatakan keadilan itu?" Sejauh manakah yang boleh diberikan keadilan oleh seseorang lelaki? Ini yang perlu dipersoalkan.

Jadi, kalau beli gelang, biar sama-sama beli gelang; kalau beli baju, biar sama-sama beli baju. Kalau Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad pergi ke Amerika, sama-sama bawa balik barang, "alla ta'dilu" — keadilan itu. Kalau tak boleh yang itu, "alla ta'dilu fawahida minha" — satu lebih baiklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandang sahajalah! (Ketawa)

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha kerana dia lebih alim daripada saya. Memanglah Tuhan suruh berkahwin, dia kata, dua; tiga; dan empat. Ayat itu tadi kita dengar, dua tiga dan empat. Kalau tak boleh adil, kahwin satu! Tetapi kalau siapa rasa tidak boleh adil, kahwinlah satu sahaja! Siapa yang suruh kahwin empat? Yang saya suruh berkahwin sampai empat atau sampai dua tadi ialah orang yang boleh adii, Apabila dia boleh adil, macam saya kata tadi, ahli korporat itu tadi yang kaya-kaya, yang fizikalnya baik, dia tidak takut kepada sesiapa, boleh berkahwin lebih daripada satu.

Tetapi apabila mereka melakukan perkahwinan lebih daripada satu, kita nampak tidak adil. Orang perempuan tadi, bila nampak tidak adil, mintalah cerai. Kenapa tidak adil pun, dia diam sahaja — "Tak adil!". "Ada ke suami aku, dia tak balik, ke rumah isteri tua sahaja dia memerap, tak balik ke rumah aku". Minta cerai.

Jadi teranglah ayat Quran itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, ertinya kalau tidak adil, satu sahaja. Kalau satu pun tidak adil

boleh minta cerai. Tadi, terganggu sedikit ya, tidak apalah. Jadi, itu sebablah kadang-kadang terlampau menyeksakan Undang-undang Pentadbiran Islam di tiap-tiap negeri ini yang tidak sesuai dengan undang-undang Islam. Jadi, orang bangsa asing fikir, macam mana Islam ini. Undang-undang Islam lain, Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam di negeri-negeri lain.

Jadi, kita cubalah kembali kepada undang-undang Islam yang sebenar bagi membolehkan kelonggaran diberi kepada umat Islam tentang berkeluarga. Kalau tidak-makin lama makin ramai orang lari masuk Al-Arqam, masuk tabligh. Kerana di dalam Al-Arqam dan tabligh tidak ada daftar. Satu pendaftaran pun tidak ada. Ada wali, ada pengantin lelaki, ada pengantin perempuan, ada saksi terus sahaja mereka berkahwin. Bila mereka hendak bercerai pun mereka bercerai sendiri sahaja, Jadi, sebab itu kita hendak mengelakkan supaya orang jangan lari kepada Al-Arqam dan tabligh, undang-undang Islam ini mesti dikembalikan dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 7, seskyen 53(1) ada berbunyi:

"Jika suami mana-mana perempuan telah mati, perempuan yang mati suami, atau dipercayai telah mati atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi sesuatu tempoh, empat tahun atau lebih....."

Jadi, apabila lebih daripada empat tahun, suaminya hilang-ghaib. Isteri memang boleh minta fasakh, dikatakan di sini, atau minta cerai dan kahwin orang lain. Selalu terjadi apabila suami itu pergi

jauh mengembara, kemudian dia tidak beritahu isterinya di mana tempat tinggalnya. Mungkin tidak ada kemudahan kerana hendak mencari nafkah hendakkan supaya isterinya senang, hidup anak-anaknya senang. Sebenarnya dia tidak mati, di dalam ini kata kalau dia mati tidak apalah. Kemudian, apabila dia tidak mati, bila balik sahaja empat tahun kemudian dia tengok isterinya sudah kahwin lain. Perasaannya pun menyinga dan marah. Apakah patut dibuat oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah kerana yang mengahwinkan dia dengan orang lain itu ialah hakim Mahkamah Syariah? Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan — Jabatan Perdana Menteri.

Tentang keluarga Islam ini sudah berbagai-bagai macam yang hendak dibuat supaya membaiki keluarga Islam. Di Pusat Islam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan suatu tabung. Nama tabung itu, Rumahku Syurgaku. Untuk memberikan kedamaian hidup dalam rumah tangga kita, yang pertama sekali bila kita duduk, kita rasa sihat, kemudian kita tidak hendak keluar lagi berjalan dan isteri dengan anak-anak kita itulah yang menjadi syurga kita. Semenjak tabung itu ditubuhkan pada tahun 1992, sampai sekarang kesannya tidak ada apa-apa. Hanya baru hendak tayangkan wayang gambar perbuatan yang mengazabsengsarakan anak-anak pada 12hb Ogos ini.

Jadi, saya rasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terlalu banyak wang. Mendapat wang zakat fitrah, setiap tahun terlalu banyak dapat wang. Saya mintalah supaya Wilayah Persekutuan dapat menjaga keluarga

Islam ini dengan membuat' berbagai-bagai aktiviti, memberikan kursus yang baik kepada isteri-isteri, kepada suami-suami, kepada pemuda yang ingin berkahwin dan juga kepada mereka yang merasakan ramah tangganya tidak begitu aman damai. Adakan satu pusat kaunseling supaya mereka dapat khidmat nasihat daripada JAWI.

Jadi, dengan itu saya rasa cukuplah ucapan saya. Saya terlebih dulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembuat Rang Undang-undang ini kerana makin sehari makin berfikir untuk memperkemas undang-undang Islam yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, masih lagi belum begitu kemas mengikut kehendak-kehendak Al-Quran dan Hadis. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta pihak Kementerian menjawab.

4.26 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Tiga wanita, seorang lelaki. Tiga lawan satu. Jadi, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah boleh tambah satu lagi.

Saya hendak menyatakan bahawa saya mengalu-alukan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

mengenai bagaimana cara-cara untuk memperbaiki urusan pentadbiran yang berkaitan dengan mahkamah dan urusan pentadbiran Islam di negeri-negeri. Sukalah saya menjelaskan bahawa kita baru sahaja mengadakan suatu konvensyen iaitu pada dua hari yang lalu, pada 25hb Julai yang lalu di negeri Melaka mengenai penyelarasan pentadbiran yang harus ada, yang harus dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha untuk kita menstabilkan ataupun menyamakan urusan pentadbiran Islam di peringkat negeri bagi semua hal.

Jadi, insya-Allah Kerajaan Pusat akan sentiasa untuk mengambil tindakan-tindakan penyelarasan bagi negeri-negeri yang mana hal ehwal Islam ini ditadbirkan oleh negeri. Jadi, kita mengambil sedaya usaha untuk mengkaji dan juga menjelaskan, memanggil pihak-pihak berkuasa agama negeri untuk datang dan bermuzakarah dalam mencari penyatuan ataupun penyelesaian dalam beberapa hal yang berkaitan dengan hal ehwal Islam bagi negeri-negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa mungkin pada pandangan setengah masyarakat tidak ada penyelarasan di antara negeri-negeri dalam usaha pentadbiran Islam ini. Misalnya Yang Berhormat Puan Hajah-Zaleha menyebutkan soal negeri Kelantan. Pada pandangan kita bahawa memang terdapat sedikit perbezaan pentadbiran di peringkat negeri yang mana negeri ini diperintah oleh kononnya parti Islam, kononnya mereka lebih Islam daripada Kerajaan Pusat dan kerana mereka melakukan perkara-perkara yang berlebihan.

Misalnya, tentang khutbah nikah. Hanya negeri Kelantan sahaja yang baca dalam bahasa Arab. Di Wilayah Per-

sekutuan ini kita bacakan dalam bahasa Melayu, sebahagian daripadanya di Wilayah Persekutuan ini, kalau sekiranya pasangan itu bangsa Inggeris, kita hendakkan supaya khutbah itu dibacakan dalam bahasa Inggeris. Kalau yang faham bahasa Cina, kita terpaksa membacakan sedikit dalam bahasa Cina. Tetapi nampaknya Kerajaan Kelantan ingat rakyat Kelantan semuanya faham bahasa Arab, dia baca di dalam bahasa Arab. Saya tidak tahulah sebab semua "syeikh-syeikh" memerintah Kelantan. Jadi, dia baca semua dalam bahasa Arab. Jadi, saya hendak menyatakan bahawa sememangnya yang kita kehendaki, bahawa supaya khutbah nikah itu difahami oleh pasangan yang hendak berkahwin supaya mereka faham apabila mereka mendirikan rumah tangga, menjadi suami atau isteri, mereka menjadi isteri yang bertanggungjawab. Insyallah.

Tentang kadi-kadi, suka saya menjelaskan bahawa memang Kerajaan mengadakan kursus-kursus kepada kadi-kadi ini, Kursus Diploma Pentadbiran selama dua tahun di "Universiti Islam Antarabangsa. Kalau saya tidak silap, mungkin sekarang ini sudah dua atau tiga orang kadi daripada tiap-tiap buah negeri yang diberi latihan di Universiti Islam Antarabangsa untuk mereka ini memperkukuhkan diri mereka, memperkemaskan diri mereka untuk dijadikan hakim-hakim di Mahkamah Syariah untuk mereka ini membuat keputusan. Kerana Kerajaan telah pun mengambil keputusan lama dahulu bagi membahagikan di antara undang-undang Islam yang dijalankan terutamanya daripada Mahkamah Syariah tidak lagi boleh dipindahkan ke mahkamah biasa. Dengan sebab itu, kita perlu menyediakan.

Jadi, saya hendak menyatakan bahawa Kerajaan memang dalam usaha dan proses untuk menyediakan satu kumpulan pegawai-pegawai dan kakitangan, kadi yang mempunyai kelayakan untuk pentadbiran hal ehwal Islam tennasuklah soal mengendalikan mahkamah-mahkamah syariah ini bagi umat Islam di negara ini. Ini bukan kerja yang mudah, Tuan Yang di-Pertua. Kerja ini sukar kerana sekarang baru di peringkat melatih kakitangan dan pegawai untuk mereka faham bagi menjalankan tugas mereka sebagai seorang hakim. Jadi, ini kena dijelaskan terutama kepada Kerajaan PAS Kelantan kerana mereka fikir bahawa soal Islam ini boleh dijalankan pada bila-bila masa sedangkan mereka pun tidak mampu hendak menjalankan perkara yang mereka cakapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, soal bagaimana kita hendak memberanikan wanita. Ini ditanya oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin. Jadi, saya rasakan bahawa Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha lebih tahu daripada saya dan beliau memang seorang wanita yang berani. Jadi, saya hendak menyatakan bahawa sememangnya hak wanita itu ada di dalam Islam dan di dalam undang-undang pun, apabila kaum wanita atau si isteri dianiaya, maka mereka boleh mengadu dan sebenarnya di Wilayah Persekutuan boleh diambil tindakan undang-undang. Mengikut undang-undang dalam urusan pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan, suami-suami yang mendera isteri boleh diambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Jadi wanita-wanita ini, pada pandangan saya, bukanlah berkata takut tetapi mereka lebih menghoraiati suami dan mereka faham kerana Islam hendak menderhakai suami, walaupun suami itu

mungkin pada pandangan kita, jahat ataupun tidak baik. Tetapi kefahaman daripada mereka ini mungkin agak tinggi dan mereka membiarkan keadaan itu berlarutan. Tetapi saya hendak menjelaskan bahawa tanggungjawab ataupun peluang ataupun keadilan diberikan kepada semua, termasuk isteri untuk menjalani hidup ini dengan keadilan yang kita ada dan juga undang-undang yang telah pun kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menjelaskan mengenai tanggungjawab yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Zaleha tentang tanggungjawab ibu bapa. Memang ini satu persoalan yang besar. Mungkin melibatkan pasangan muda-mudi sekarang yang berkahwin, yang kurang arif. Sebab itu, kita mengadakan banyak kursus nikah, kursus perkahwinan yang dijalankan di peringkat daerah, di peringkat negeri untuk memberi ilmu kepada belia-belia, pemuda-pemuda Melayu Islam bagaimana tanggungjawab mereka dan bagaimana hendak mendidik anak yang dilahirkan oleh pasangan itu. Ini tanggungjawab yang harus diketahui. Kerana tanggungjawab isteri, tanggungjawab suami sebagai pemimpin dalam satu keluarga adalah terlalu ...tinggi, terlalu besar kalau dilihat dalam Islam ini.

Manakala Islam ini mengikut firman Tuhan, (*Membaca suatu ayat Al-Quran*), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kena jaga anak isteri, kaum kerabat, kaum keluarga daripada api neraka. Jadi, ini tanggungjawab yang besar sebagai suami. Bukan kahwin hanya hendak berseronok dan mendapat zuriat tetapi tanggungjawab tidak ada. Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan pandangan Senator Zaleha. Tanggungjawab harus di-

berikan kepada pasangan yang hendak berkahwin. Mereka tahu tanggungjawab itu, mendidik anak-anak yang bakal pemimpin juga tanggungjawab yang berat dalam Islam ini.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang disebutkan tentang denda dinaikkan — saya hendak menggulung keseluruhan sekali. Misalnya, soal perceraian untuk menjawab "Yang Berhormat Datuk Ahmad Abdullah. Perceraian ini dihalaikan tetapi soal yang amat dibenci dalam Islam. Seseorang isteri tidak boleh menuntut cerai secara mendadak atau membuta hala ini adalah satu dosa yang besar. Saya sudah sebutkan tadi kerana perceraian ini tidak boleh dimainkan sahaja. Bukan boleh diminta. Kalau tidak suka pada suami, si isteri terus minta talak. Ini satu kerja yang aib dalam masyarakat Islam, yang tidak harus dilakukan. Jadi, dalam soal ini saya bukanlah hendak menyokong pihak wanita, tetapi perkara ini seharusnya kita fahami tentang hukum Islam, menebus atau kita meminta tarak itu satu kerja yang amat besar dosanya. Walaupun kita katakan 'halal diberi talak tetapi satu kerja yang amat dibenci dalam Islam. Dengan sebab itu, persoalan talak seperti yang disebutkan tadi bukan boleh dipemain-mainkan, tidak boleh dilakonkan di antara suami isteri pun. Yang ini pun, kita hendak jelaskan supaya ada kadangkalanya berlakon di antara suami isteri. "Aku ceraikan engkau dengan talak satu". Sedangkan mereka itu suami isteri. Mereka terjatuh talak bagi lafaz walaupun dalam lakonan yang dilakonkan sama ada dalam drama ataupun dalam televisyen. Jadi, suka juga saya

menyebutkan perkara ini kerana perkara ini dibangkitkan ada yang main-main, seronok-seronok, hendak melafazkan perkataan 'cerai'. Dengan sebab itu, saya hendak menasihatkan kita semua supaya menjelaskan soal talak ini bukanlah soalan yang boleh kita mainkan ataupun kita boleh sebutkan begitu sahaja.

Soal yang disebutkan oleh Senator Zaleha ialah mengenai -pencen yang hilang ini. Ini disebutkan bahawa Kerajaan kita akan mengkaji, hendak kita rujuk jawatankuasa teknikal sama ada Kerajaan akan menimbangkan bagi balu-balu yang kematian suami, yang menerima pencen terbitan ini, insya-Allah, sedang dikaji oleh pihak jawatankuasa teknikal, akan mengkaji sama ada kita boleh meneruskan pemberian pencen terbitan selepas berkahwin semula — si janda ini berkahwin semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rahmah tentang izin isteri. Dalam undang-undang ini, kita menetapkan bahawa seseorang yang hendak berkahwin atau berpoligami haruslah mendapat kebenaran mahkamah terlebih dahulu. Bermakna hakim atau kadi akan menentukan sama ada Othman bin Abdul layak hendak kahwin. Satu lagi kuat atau tidak fizikalnya, duitnya banyak atau tidak! Jadi, Datuk Timbalan Yang di-Pertua maklumlah dia sudah kuat. Kita pun tahu 'dia kuat!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, jawabnya macam mana sama ada Othman bin Abdul layak atau tidak? Macam mana jawabnya?

**Tuan Othman bin Abdul:** Kalau kadi itu kawan saya, memang saya layaklah. Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu boleh direkod.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tetapi buat masa ini belum ada hajat. (*Ketawa*) Setakat itulah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apabila seorang hendak berpoligami saya hendak menjelaskan kembali bahawa di dalam Akta ini menjelaskan dengan nyata bahawa dalam seksyen 23(1):

"Tidak seorang pun lelaki, semasa wujudnya sesuatu perkahwinan, boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara benulis daripada Mahkamah membuat kontrak perkahwinan yang lain dengan perempuan lain"

Jadi, bermakna apabila Tuan Hakim mendapati jika sekiranya si lelaki itu mampu, maka dia perlu dapat kebenaran bertulis bagi dia berkahwin semula tanpa izin si isteri pun, dia boleh melakukan perkahwinan itu tetapi dengan syarat seperti mana yang disebutkan oleh Senator Zaleha tadi, kenalah berlaku adil. Jadi, berlaku adil ini, pada pandangan setengah pihak, dia kata, relatif. Dia kata perbezaan di antara adil yang harus diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga berlaku di Pendang. Satu cerita seorang — masa saya menjadi Penolong Pegawai Daerah di Pendang dulu, kadi ada di sebelah pejabat saya — seorang telah berkahwin. Jadi, apabila dia sudah berkahwin, dia balik ke rumah isteri muda, dia tidak balik langsung ke rumah isteri tua. Jadi, isteri tua mengadu kepada kadi, pada masa itu, Syeikh Yahya kawan sayalah. Dia panggil dan bertanya, "Mengapa Encik tidak balik langsung ke rumah isteri tua. Ini tidak

adillah". Dia kata, "adillah. Sebab saya sudah kahwin dengan isteri tua selama 15 tahun. Saya hendak duduk di rumah isteri muda 15 tahun pula". Saya hendak balik semula kepada Rang Undang-undang. Ini..... (*Ketawa*) Ini cerita yang benar-benar berlaku tentang keadilan yang begitu, yang dinyatakan.

**Timbalan Yang di-Pertua: Itu** mungkin budaya Pendang.

**Tuan Othman bin Abdul:** Budaya orang itu sahaja. Bukan budaya Pendang. Orang itu sahaja. Jadi, setengahnya berpandangan, bukannya bertanggung-jawab, mereka hendak mempermainkan soal itu. Jadi, kita bersetuju bahawa tentang soal keadilan ini haruslah diadakan daiam soal poligami.

Harta sepencarian ini telah pun diputuskan bahawa harta ini harus dibahagikan di antara suami isteri semasa perkahwinan itu. Jadi, saya masih ingat bahawa kita telah meluluskan Akta ini bahawa harta sepencarian semasa mereka hidup berkongsi, harta ini harus dibahagikan bersama-sama, dibahagikan sama di antara suami dan isteri. Jadi, ini telah pun ada di dalam Akta yang boleh menyelesaikan. Penjagaan anak pun telah dimasukkan dalam Akta ini, bagaimana anak itu harus dijaga. Di mana tempat hendak diletakkan anak-anak yang ibu bapanya berpisah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebutkan tentang penyelesaian kes. Jadi, kalau kes terlalu lama, bagaimana hendak dilakukan. Jadi, saya bersetuju, insya-Allah, kita akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan kes ini, kecuali kes minta cerai.

Tadi Yang Berhormat Datuk Ahmad Abdullah minta cepat diberi keputusan cerai. Ini tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita harus nasihatkan terlebih dahulu pasangan yang hendak bercerai kerana agama itu "addin-nasih". Agama itu adalah nasihat. Jadi, apabila datang satu pasangan hendak bercerai, kita nasihat dahulu mengapa hendak bercerai, sebab apa hendak cerai, sebutkan keburukan penceraian. Jadi, apabila mengadulah pasangan hendak bercerai, hakim sudah pasti — kalau saya pun sudah jadi hakim, saya akan mengatakan nasihat itu dahulu bagaimana mereka harus berbaik, tidak harus bercerai. Selepas itu, tidak boleh sangat, barulah kita hendak memperuntukkan .....

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Othman bin Abdul, Yang Berhonnat Datin Intan hendak minta penjelasan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan hendak bercerai — memanglah betul — kita tidak patut minta cerai dan tidak dilakukan dengan segera. Apakah jadi kalau seorang suami dapat isteri yang baru, tidak balik ke rumah isteri yang tua, mempunyai ramai anak, makan pun tidak diberi, sara hidup zahir dan batin tidak adil, macam manakah keadaannya? Siapa hendak beri bantuan yang begitu lama? Bukan sebulan, kalau sampai 6 bulan, apakah akan jadi kepada anak-anak yang tidak bersekolah? Ini yang anak yatim selalu menerimanya. Kerana sebagai penjaga anak yatim, ini kesengsaraannya yang kami selalu menghadapi setiap saat. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Itu belum 15 tahun, baru 6 bulan. (*Ketawa*)

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Perlua, dalam taqlik nikah ini, mungkin perempuan tidak dengar. Tetapi kita lelaki ini, ada taqlik "apabila dicerai, ditinggalkan suami (aku) selama 6 bulan, maka mengadu dia kepada kadi", jadi sudah ada dilafazkan di dalam taqlik nikah. Kalau sekiranya suami meninggalkan isteri selama 6 bulan tanpa nafkah zahir dan batin, maka si isteri boleh mengadu kepada kadi, boleh diambil tindakan, sebenarnya mengikut undang-undang yang ada. Jadi, sebab itu saya suka menyebutkan dan saya hendak menyatakan memang perkara ini harus dijelaskan tentang tanggungjawab suami isteri.

Jadi, kalau sekiranya mengikut kata Yang Berhormat Datin Wan Intan, bagaimana? Maka tempatnya ialah apabila lebih 6 bulan, tidak ada nafkah zahir dan batin, maka si isteri haruslah mengadu kepada kadi ataupun hakim yang ada itu untuk dicari jalan penyelesaian. Jadi, sudah pasti perkara ini berlaku di mana-mana pun dan kita menganggap bahawa kejadian ini adalah daripada suami-suami yang tidak bertanggungjawab. Saya sarankan jadi-lah suami macam Tuan Yang di-Pertua ataupun Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah yang sentiasa bersama isteri dan "isteri-isteri" kata Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdul:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju bahawa kursus-kursus ini harus diadakan untuk kakitangan. Penambahan kursus dan penambahan pegawai pun, misalnya dalam soal kita hendak memantapkan

lagi pentadbiran agama Islam, kita juga perlu pegawai-pegawai yang lebih mahir dan berkebolehan. Insyallah, ini pandangan-pandangan yang baik, yang kita ambil kira. Jadi, inilah Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, hendak kahwin memang senang, hendak kahwin memang senang. Lelaki hendak kahwin senang.

Tetapi macam Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha kata, hendak menjaga perkahwinan, hendak menjaga anak, dari segi keadilan yang harus ada. Jadi, walaupun kahwin itu senang dan mungkin kita harus memikirkan tanggungjawab untuk membendung, menjaga suatu keluarga berasaskan kepada Islam, agama kita yang maha suci ini, maka haruslah kita berhati-hati dan mempunyai ilmu, tanggungjawab kita dalam menjalani hidup sebagai pasangan suami isteri yang aman damai, dalam kita hendak membentuk syurga dalam satu rumah tangga yang bahagia, yang sekarang ini kita "Rumahku Syurgaku" di mana seperti yang disebutkan oleh Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah memang ada cadangan Kerajaan untuk menjadikan keluarga-keluarga kita, tempat kita duduk aman damai, maka kita jadikan "Rumahku Syurgaku" ini sebagai idaman kita dan kita realisasikan dalam masyarakat kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada keempat-keempat orang Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, sekarang barulah saya tahu kenapa Yang Berhormat Tuan Othman begitu kuat di Pendang kerana dia bukan sahaja boleh berucap dengan baik, tetapi beliau juga boleh berkhotbah dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 39* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
BAHASA KEBANGSAAN  
(PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*4.46 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Othman bin Abdul:** Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada sesi Parlimen dalam bulan April, 1994 untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan Mahkamah

Rayuan. Mahkamah Rayuan ini dicadangkan sebagai satu lagi tambahan bagi tatatingkat, atau dengan izin, hierarchy, struktur mahkamah yang sedia ada di negara ini. Dengan wujudnya Mahkamah Rayuan, pindaan berbangkit perlu dibuat kepada seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67.

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan memperuntukkan bahawa melainkan sebagaimana yang diperuntukan dalam proviso kepada seksyen tersebut, segala prosiding selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan. Dengan tertubuhnya Mahkamah Rayuan, sebutan mengenai mahkamah tersebut perlulah dimasukkan ke dalam Seksyen 8. Tindakan ini akan memastikan bahawa bahasa kebangsaan juga akan digunakan bagi segala prosiding selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi di Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli • Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Dr. Toh Kin Woon.

*4.48 ptg.*

**Dr. Toh Kin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong dengan sekuat-kuatnya suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa

Kebangsaan 1963/67. Tujuannya ialah supaya memastikan kegunaan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat dalam sistem kehakiman ataupun struktur mahkamah negara kita. Dengan adanya suatu struktur mahkamah lagi, iaitu Mahkamah Rayuan, maka adalah perlu Akta ini dipinda supaya Bahasa Kebangsaan dapat juga digunakan dalam Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada satu dua perkara sahaja yang saya ingin bangkukan dalam ucapan yang pendek pada hari ini. Perkara pertama yang saya ingin menyentuh adalah berkait dengan penterjemahan istilah-istilah undang-undang ke dalam Bahasa Kebangsaan; yang setahu saya adalah merupakan tanggungjawab yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Daripada pengalaman saya sebagai seorang pensyarah dahulu mengajar Ekonomi dalam Bahasa Kebangsaan, saya dapati dalam penterjemahan ini, apa yang diterjemahkan ialah cuma istilah dalam bentuk satu perkataan sahaja yang diterjemahkan dan apa yang kita panggil "the phrases" ataupun rangkai kata seringkali tidak diterjemahkan. Jadi, pada masa kita hendak menterjemahkan "phrases" ataupun rangkai kata ke dalam Bahasa Kebangsaan, apabila kita hendak membuat rujukan kepada kamus ataupun buku istilah yang khas, kita dapati apa yang terdapat dalam kamus ataupun buku istilah khas ini ialah hanya terjemahan mengenai istilah ataupun perkataan sahaja.

Saya dapati hal ini juga berlaku kepada istilah undang-undang..Memandangkan kepada hakikat bahawa dalam "legal language" ataupun bahasa undang-undang, terdapatnya apa yang dipanggil nuances ataupun perbezaan-perbezaan

yang halus dalam erti antara rangkai-kata-rangkaikata. Maka saya ingin mencadangkan di sini bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka harus juga selain daripada menterjemahkan istilah/perkataan, menterjemahkan "phrases", malah kalau boleh, ayat juga, supaya perbezaan halus dari segi erti dapat juga dijelaskan dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya rasa ini banyak membantu peguam-peguam semasa mereka membuat 'submission' dengan izin, atau 'argue' kes-kes mereka di mahkamah. Ini juga akan membantu Hakim-hakim semasa membuat 'judgement'. Dalam hal ini saya rasa pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bolehlah meminta pertolongan daripada pakar-pakar bahasa yang juga pada masa yang sama adalah peguam, dalam proses ini. Saya rasa ini akan banyak membantu memperluaskan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat dalam mahkamah dan apa yang penting lagi, supaya memastikan bahawa pada masa kita menggunakan Bahasa kebangsaan tidak terdapat apa jua 'miscarriage of justice', dengan izin.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di dalam teraph peralihan ini saya dapati ada juga Hakim-hakim yang agak 'senior', tetapi mungkin tidak begitu fasih dalam Bahasa Kebangsaan. Mereka amatlah baik dari segi ilmu undang-undang, tetapi dari segi bahasa, mungkin masih menghadapi masalah. Jadi, bagi mereka ini, saya haraplah apa yang terdapat dalam Akta Bahasa Kebangsaan dapat dilonggarkan, hanya untuk mereka sahaja dan dalam tempoh peralihan ini. Selepas mereka bersara, saya rasa kegunaan Bahasa Kebangsaan dapat kita kuat kuasakan sepenuhnya.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya yang kuat untuk pindaan kepada Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1963/67. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

4.52'ptg.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dengan ucapan yang agak ringkas. Untuk memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang membuat pindaan kepada seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Apa yang saya ingin sebutkan ialah 2 perkara.

Pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana telah memberi perhatian yang begitu tinggi terhadap Bahasa Kebangsaan. Jadi, dengan ini saya\_ ingin menyatakan bahawa ini merupakan satu perjuangan yang wujud oleh UMNO dalatn menuntut kemerdekaan yang lalu. Dalam perjuangan itu kita telah pun dibawa oleh pejuang-pejuang tanah air kita mengenai pembelaan, politik, bangsa dan bahasa.

Apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan yang lalu sekarang ini telah menampakkan kejayaannya, khususnya di bidang bahasa, yang mana Bahasa Kebangsaan bukan hanya dipakai di sekolah, di jabatan ataupun di pasar-pasar, tetapi ia sudah ditingkatkan setinggi-tinggi peningkatan, pemakaiannya di dalam mahkamah. Dan Bahasa Kebangsaan ini sudah menjadi suatu penghormatan yang begitu tinggi daripada pihak Kerajaan.

Pada saya mutu Bahasa Kebangsaan ini hendaklah dijaga dengan lebih baik dan lebih berkesan. Tetapi saya ingin bertanya apabila kita bercakap tentang Bahasa Kebangsaan, saya telah pun dibawa dan difahamkan banyak, Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu. Apakah satu istilah pemakaian yang harus kita pakai satu sahaja iaitu Bahasa Kebangsaan? Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian apakah cara dan bagaimanakah kalau boleh kita menggunakan satu.sahaja perkataan iaitu Bahasa Kebangsaan, sebabnya susah hendak dimengertikan, banyak sangat pengistilahan mengenai Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu.

Di samping itu juga, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian dalam soal mahkamah dan.kehakiman ini, sejauh manakah penggunaan Bahasa Kebangsaan ini dijalankan ataupun dilaksanakan di dalam mahkamah. Apakah ianya dipergunakan sepenuhnya ataupun ia hanyalah digunakan di bidang-bidang yang tertentu sahaja. Kalau ianya dilaksanakan atau dipergunakan sepenuhnya-penuh pemakaiannya di dalam mahkamah-mahkamah, ini adalah membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia, Kerajaan dalam negara kita ini benar-benar telah menunaikan janjinya bukan/hanya janji kepada pengundi-pengundi, tetapi janjinya dengan pejuang-pejuang bahasa di masa-masa yang lalu.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telah memberi penghormatan yang begitu tinggi terhadap pemakaian Bahasa Kebangsaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, saya dengan hormatnya menjeinput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Silakan

*4.56 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 yang telah pun saya, bentangkan, pembentangannya pun pendek dan perbahasannya pun pendek.

Saya ingin mengatakan bahawa pandangan Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon memanglah satu pandangan yang cukup baik. Beliau menyarankan dan mencadangkan agar bukan sahaja istilah diterjemahkan bahkan rangkaikata atau phrases, dengan izin, untuk diterjemahkan juga ke, dalam Bahasa Kebangsaan supaya penggunaannya itu akan dapat digunakan dengan baik. Ini adalah cadangan yang cukup baik untuk kita mengambil tindakan. Insya-Allah, kita akan panjangkan ini kepada pihak yang membuat terjemahan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membuat terjemahan kepada rangkaikata-rangkikata yang berkaitan dalam satu undang-undang supaya ianya dapat dipergunakan dengan tepat bagi sesuatu ayat ataupun phrases itu.

Saya juga ingin mengatakan bahawa saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa terdapat istilah-istilah yang samar-samar, perbe-

zaan penggunaannya itu sedikit. Yang ini pun, saya rasakan bahawa ianya adalah satu pandangan yang berguna untuk dijalankan daripada Kerajaan dan insya-Allah ianya akan diperbaiki.

Mengenai hakim yang senior, yang tidak fasih berbahasa Malaysia, sememangnya masih lagi terdapat dalam negara kita, hakim-hakim ini sememangnya diberikan kelonggaran kepada mereka sehinggalah mereka dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan sebaik-baiknya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, .....

**Tuan Othman bin Abdul:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercakap mengenai peguam ataupun hakim?

**Dr. Toh Kin Woon:** Hakim.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hakim.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hakim ya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hakim. Bukan peguam — hakim. Saya catatkan hakim, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya memang mengakui bahawa memang ada terdapat setengah hakim-hakim yang tidaklah begitu baik penggunaan Bahasa Kebangsaannya. Walau macam manapun dengan kegigihan Kerajaan, kita akan jalankan usaha untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Kebangsaan bagi semua peringkat.

Kepada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, saya juga hendak menyatakan bahawa memang

kita bersetuju bahawa mutu Bahasa Kebangsaan harus dijaga dan harus ditingkatkan pemakaiannya. Sekarang timbul pula yang baru pada cendekiawan Melayu" yang bersidang baru-baru ini, kalau tidak silap saya di Universiti Kebangsaan, hendak mengembalikan kepada Bahasa Melayu. Sekarang kita menggunakan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Jadi kita membuat keputusan dahulu, kita mengatakan Bahasa Kebangsaan seperti yang tercatat d: dalam Rang Undang-undang ini, iaitu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dipergunakan yang merujuk kepada Bahasa Melayu yang asalnya.

Yang keduanya pandangan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin bahawa pemakaiannya sudah pastilah Kerajaan akan berusaha untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan ini pada semua peringkat di mahkamah, kecuali pada peringkat di mana ada kes-kes yang perlu menggunakan bahasa Inggeris. Mungkin kerana saksi-saksinya ataupun pihak yang mendakwa atau didakwa tidak dapat menggunakan bahasa kebangsaan, maka bahasa Inggeris akan terus digunakan.

Insyallah, saya ingin mengatakan bahawa kita sedang mengorak langkah untuk mempertingkatkan penggunaan, Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah di Malaysia ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada kedua-dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahh Yang Berhormat, sekarang " saya

kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal / hingga 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TABUNG ANGKATAN TENTERA  
DAN TABUNG BEKAS  
PERAJURIT (PINDAAN) 1994**

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*5.00ptg.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datb\* Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Rang

Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 4, 12, 15, 18, 23 dan seksyen kecil (1) Jadual Pertama serta mewujudkan dua seksyen baru iaitu seksyen 22A dan seksyen 22B kepada Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973. Pindaan-pindaan ini adalah merangkumi aspek-aspek pentadbiran, pelantikan, pemberian faedah baru kepada pencharum, perluasan skop pelaburan dan pengurusan tatatertib.

Tujuan utama cadangan pindaan pada kali ini ialah untuk membolehkan pencharum mengeluarkan sebahagian daripada carumannya untuk tujuan membeli sebuah rumah kediaman atau tanah bagi membina rumah kediaman di atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan satu persatu pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama, pindaan kepada subseksyen 4(3). Subseksyen 4(3) dipinda bagi membolehkan Pengurus Besar LTAT dilantik sebagai ahli ex-officio kepada LTAT.

Kedua, pindaan kepada seksyen 12B. Tujuan pindaan ini ialah untuk memberi ketepatan pengertian yang tidak membolehkan pengeluaran caruman oleh pencharum-pencharum yang telah ditauliahkan sebagai seorang pegawai tentera. Berdasarkan kepada peruntukan yang ada sekarang, kekeliruan telah timbul di mana pencharum-pencharum yang ditauliahkan ke peringkat pegawai telah memohon untuk mengeluarkan wang

caruman atas alasan bahawa pencharum berkenaan telah tamat perkhidmatan lain-lain pangkat. Untuk mengelakkan kekeliruan ini, seksyen 12B perlu dipinda dengan mengadakan peruntukan baru iaitu seksyen 12(3)(b) yang menyebut bahawa, "Seseorang pencharum lain-lain pangkat yang kemudiannya ditauliahkan sebagai seorang pegawai tentera tidak dianggap sebagai telah berhenti atau bersara dari perkhidmatan tentera". Di bawah keadaan ini, pengeluaran caruman tidak dibenarkan.

Ketiga, pengwujudan seksyen kecil 12(2) dan pindaan kepada seksyen 22. Satu peruntukan baru iaitu seksyen kecil 12(2) perlu diadakan bertujuan untuk membolehkan seseorang pencharum mengeluarkan sebahagian daripada carumannya mengikut kredit akaunnya untuk membeli sebuah rumah kediaman atau sekeping tanah untuk membina sebuah rumah kediaman. Ini adalah satu skim faedah baru seperti yang diadakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Berbangkit daripada wujudnya seksyen kecil baru tersebut, maka seksyen 22 perlu dipinda untuk memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi menentukan terma-terma dan syarat-syarat pengeluaran caruman itu.

Keempat, pindaan kepada seksyen 15. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperluaskan instrument pelaburan yang boleh diceburi oleh LTAT dan mengatasi sebarang keraguan yang mungkin wujud mengenai jenis-jenis pelaburan yang boleh disertai olehnya. Instrument pelaburan di Malaysia telah berkembang dengan pesat dan menjadi

'sophisticated'. Untuk memastikan supaya LTAT terus meningkatkan prestasi kewangannya dari masa ke semasa adalah penting ianya diberi kuasa untuk menyertai jenis-jenis pelaburan yang terdapat pada masa kini. Selaras dengan perkembangan ini, adalah dicadangkan seksyen 15 (1)-(a) dipinda untuk membenarkan LTAT melabur dalam bentuk-bentuk pelaburan seperti bon-bon, nota-nota, kertas-kertas gadai janji, nota-nota perdagangan, persetujuan-persetujuan jurubank, kertas-kertas pasaran wang, sijil-sijil deposit dan lain-lain surat cara hutang.

Cadangan pindaan kepada seksyen 15 (1) (a) ini akan membenarkan LTAT memberi pinjaman kepada mana-mana institusi di Malaysia di mana pembayaran balik prinsipal dan faedah ke atas peminjam itu dijamin sepenuhnya oleh satu institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Melalui pindaan kepada seksyen 15 (1) (a), LTAT juga dibenarkan menyertai pelaburan dalam 'debentur' atau pinjaman lain yang dikeluarkan di bawah kuasa mana-mana undang-undang bertulis oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Di bawah seksyen 15 (1) (b) pula, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk membolehkan LTAT melabur dalam modal ekuiti mana-mana syarikat yang disenaraikan dan disebutkan dalam mana-mana bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia. Di samping itu, LTAT juga akan dibenarkan untuk membuat

pelaburan dalam sekuriti-sekuriti atau apa-apa bentuk pelaburan lain di luar Malaysia dengan kelulusan daripada Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Seterusnya pindaan kepada seksyen 15 (1) (b) juga akan membenarkan LTAT melabur dalam apa-apa program penswastaan. Melalui cadangan-cadangan pindaan tersebut, LTAT akan dapat menceburi bentuk-bentuk pelaburan yang baru untuk meningkatkan prestasi kewangan. Ini akan meletakkan LTAT atas kedudukan yang lebih kukuh untuk meningkatkan faedah-faedah yang diberikan kepada pencarum.

Kelima, pindaan kepada seksyen 18(1). Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 18(1) yang berkuatkuasa sekarang mensyaratkan supaya laporan tahunan hendaklah dihantar kepada Menteri tidak lewat dari 30hb April tiap-tiap satu tahun. Ini bertentangan dengan peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 yang mensyaratkan supaya Laporan Tahunan dihantar kepada Menteri tidak lewat dari 30hb Jun tiap-tiap satu tahun. Oleh itu, pindaan perlu dibuat untuk menyelaraskan perkara ini.

Keenam, perwujudan seksyen-seksyeh baru 22A dan 22B. Akta yang berkuatkuasa sekarang tidak mengadakan peruntukan yang khusus bagi membolehkan pihak pengurusan membuat peraturan-peraturan tatatertib dan surcaj. Oleh itu dua seksyen baru iaitu seksyen 22A dan 22B telah diwujudkan. Menurut seksyen baru 22A, Lembaga dengan kelulusan Menteri di beri kuasa untuk membuat peraturan tatatertib dan

disiplin yang berkuatkuasa ke atas pegawai dan kakitangan LTAT. Ini bertujuan untuk mengemaskinikan lagi pengurusan personel LTAT terutama sekali dari aspek tatatertib dan disiplin. Seksyen baru 22B telah memperuntukkan supaya LTAT boleh mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan LTAT dalam keadaan-keadaan tertentu.

Ketujuh, pindaan kepada seksyen 23- Seksyen 23(1) Akta membenarkan LTAT untuk menubuhkan Perbadanan bagi tujuan mengurus dan menjalankan mana-mana projek, skim dan enterprais yang sedang atau akan dilaksana oleh Lembaga. Namun demikian, seksyen 23(2) pula mensyaratkan supaya apa jua wang yang dikehendaki bagi menubuhkan Perbadanan berkenaan hendaklah diperolehi dari wang yang disediakan untuk pelaburan di bawah seksyen 15(1) (c). Dari segi pengagihan, 70% daripada wang tabung untuk tujuan pelaburan adalah disediakan di bawah seksyen 15(1) (a) dan bakinya di bawah seksyen 15(1) (c).

Memandangkan sekarang ini hanya 30% daripada wang tabung untuk pelaburan disediakan di bawah seksyen 15(1) (c), maka jumlah wang yang boleh digunakan untuk menubuhkan Perbadanan adalah agak terhad. Oleh itu, seksyen 23(2) perlu dipinda bagi membolehkan wang yang dikehendaki untuk penubuhan Perbadanan diambil daripada seksyen 15 (1) (a). Pindaan ini akan memberi lebih flexibility kepada LTAT untuk mempelbagaikan jenis pelaburan melalui penubuhan Perbadanan.

Kelapan, pindaan kepada perenggan kecil 1(2) Jadual Pertama. Memandangkan Ketua Turus Angkatan Tentera

merupakan anggota ex-officio, mengikut seksyen 4 (3) (d), maka beliau tidak terlibat dalam urusan perlantikan semula. Oleh itu, perenggan kecil 1(2), Jadual Pertama perlu dipinda untuk membawa makna bahawa perlantikan Ketua Turus Angkatan Tentera adalah berdasarkan jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa kesemua pindaan ini bukan sahaja dapat melicinkan lagi pentadbiran Lembaga Tabung Angkatan Tentera, malah ianya juga akan membolehkan Lembaga bertindak sebagai sebuah entiti korporat yang berkemampuan untuk memenuhi keperluan-keperluan masa kini.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

*5.14 ptg.*

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas dan juga seterusnya menyokong Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar

tadi mengenai cadangan terhadap pindaan Rang Undang-undang ini, saya percaya ianya telah pun kena pada masa dan juga ketikanya di mana Rang Undang-undang ini dibentangkan dan juga diberikan penelitian oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara khususnya soal perumahan tentera. Seperti mana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, salah satu daripada cadangan ataupun pindaan yang dicadangkan dalam pindaan ini ialah Seksyen 12, di mana pindaan ini membolehkan seorang pencarum di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk membeli sebuah rumah kediaman atau tanah bagi maksud membina sebuah rumah kediaman di atasnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah perumahan tentera adalah satu masalah yang sungguh serius. Dan tidak dapat dinafikan bahawa terdapat tentera-tentera kita, kalau di kawasan-kawasan bandar ada yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan dan ada yang tinggal di kawasan-kawasan yang sungguh tidak sesuai dengan kedudukan mereka sebagai seorang tentera.

Begitu juga kadangkala seorang yang telah pun berkhidmat sebegitu lama dalam angkatan tentera, apabila mereka itu bersara, mereka tidak ada sebarang rumah. Mereka ini apabila telah pun bersara atau telah pun berhenti daripada angkatan tentera, biasanya terpaksa tinggal di kawasan-kawasan setinggan. Dengan adanya pindaan yang telah pun dicadangkan ini, diharapkan ianya akan boleh, kalau pun tidak menyelesaikan dengan keseluruhannya, sekurang-kurangnya dapat menampung sebahagian

daripada masalah dari segi perumahan seperti yang sedang dihadapi oleh angkatan tentera kita. Kita memang mengalu-alukan bahawa tidak dapat dinafikan bahawa tentera kita telah pun banyak berkorban, banyak berjasa pada negara dan juga tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, cuma kalau dapat diperjelaskan' seperti kalau di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, seorang itu dibenarkan mengeluarkan wang sehingga 45% daripada simpanan ataupun caruman yang dimiliki ataupun RM20,000 yang mana lebih, tetapi di dalam Akta ini tidak pun dijelaskan bagaimana seorang pencarum angkatan tentera itu boleh mengeluarkan wangnya. Saya harapkan peraturan yang sama seperti yang dilaksanakan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga akan dilaksanakan kepada pencarum Tabung Angkatan Tentera ini, di mana biarlah wang yang dikeluarkan itu mencukupi untuk seorang anggota tentera untuk membeli sebuah rumah kediaman. Kita juga telah banyak berpengalaman mengenai masalah-masalah dari segi pengeluaran wang untuk membeli rumah ini yang telah pun dihadapi oleh pencarum-pencarum dan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kita harapkan perkara-perkara penyelewengan, penipuan yang pada suatu ketika dahulu telah pun berlaku di dalam pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak akan berlaku pula apabila adanya pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada menggunakan kaedah untuk mengeluarkan wang untuk membeli rumah ataupun untuk membeli tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 12(c) juga memberikan kebenaran kepada seorang pencarum mengeluarkan wang mereka bila mencapai umur kepada 50

tahun. Saya beranggapan bahawa jika seorang yang berkhidmat dalam angkatan tentera, kalau dia sudah iebih daripada 50 tahun kemungkinannya beliau juga akan dibenarkan. Apa yang saya harapkan ialah supaya jikalau di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja seseorang itu boleh mengeluarkan kewangannya apabila mencapai umur 50 tahun, 1/3 dari simpanannya dan 2/3 lagi apabila berumur 55 tahun. Jadi, saya berharap juga supaya satu skim ataupun satu perancangan yang sama dengan yang dilaksanakan terhadap pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan juga difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Usul ini tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah menimbulkan peranan yang akan dimainkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dari segi pelaburan-pelaburan, dari segi mencari peluang-peluang perniagaan dan juga sebagainya. Tetapi apa yang saya harapkan ialah apabila Lembaga ini mendapat keuntungan, biarlah keuntungan itu dimasukkan kepada Tabung Bekas Perajurit, kerana kewangan yang digunakan di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini adalah kewangan daripada mereka-mereka yang telah pun membuat caruman.

Adalah tidak adil kalau umpamanya seorang tentera yang telah pun membuat caruman, dia hanya berhak semasa beliau membuat caruman sahaja. Selepas beliau bersara, beliau tidak ada hak lagi terhadap kewangan yang diperolehi di dalam Tabung Angkatan Tentera kerana kewangan yang terdapat di dalam tabung ini adalah sumbangan daripada tentera-tentera sama ada yang sedang berkhidmat dan juga yang telah pun berhenti ataupun yang telah bersara daripada Lembaga Angkatan Tentera.

Jadi, apabila mereka telah pun bersara, saya harapkan segala keuntungan, segala faedah yang diperolehi daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini juga akan diberikan, akan diagihkan dengan cara yang sebaik-baiknya kepada bekas-bekas perajurit kita.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan saya dan saya berharap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan. Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan)1994. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacub.

5.23 *ptg.*

**Puan Kelsom binti Yaacub:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Bekas Perajurit (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera amat wajar demi memperlihatkan prihatin Kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap jasa bakti anggota-anggota tentera di negara ini. Atas rasa benangungjawab, adalah dirasakan perlu tabung ini diuruskan secara komersil supaya segala keuntungan dari aktiviti perniagaan, perusahaan, perladangan dapat dinikmati oleh anggota-anggota tentera dan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita mendengar bila ada anggota-anggota tentera tewas di medan perang, anggota-anggota tentera bukan sahaja mendapat kalungan bunga takziah dan penghormatan negara selepas kematian mereka. Isteri dan anak-anak yang ditinggalkan ada yang mendapat perhatian dari Kerajaan dan ada yang tercicir dari apa-apa peluang yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada sebuah Jabatan Kerajaan yang menguruskan hal ehwal anggota tentera diwujudkan di setiap negeri, tetapi masih gagal menepati harapan anggota tentera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di atas alasan-alasan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah berikut demi memastikan nasib masa depan anggota-anggota tentera di negara ini terbelas dan jasa mereka dihargai."

Di bidang pendidikan — memberi peluang yang luas dan bantuan kewangan kepada anggota-anggota tentera yang mampu meneruskan pengajian mereka dari peringkat persijilan, diploma hingga ijazah dalam masa mereka berkhidmat. Melalui Tabung Angkatan Tentera, perkara ini mudah dilaksanakan baik melalui satu skim pinjaman yang mudah dan jika anggota-anggota tentera berkenaan mendapat pengiktirafan cemerlang, skim pinjaman itu boleh ditukarkan kepada dermasiswa atau biasiswa.

Memberi peluang dan bantuan kewangan kepada anak-anak anggota tentera untuk belajar sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kita tahu MARA

melalui MRSM telah diwujudkan sekolah untuk anak-anak anggota tentera. Saya merasakan ianya masih belum cukup, sewajarnya Kerajaan mewujudkan sekolah khas untuk anak-anak anggota tentera ala-asrama penuh di bandar-bandar utama di negara ini.

Kemudahan ini bukan semata-mata untuk anak-anak anggota tentera yang telah meninggal dunia di medan perang tetapi juga melalui Tabung Angkatan Tentera, semua anak-anak anggota tentera diberi peluang.

Bagi mana-mana anggota tentera yang tidak lagi berminat dengan pelajaran akademik, sewajarnya pelajaran teknikal dan vokasional dapat diwujudkan di dalam kem-kem tentera sendiri. Bukannya mereka belajar hal-hal berkenaan semasa era peralihan untuk menjadi rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dibidang perniagaan — sudah sampai masanya kedai-kedai Pernama di seluruh negara diletakkan di bawah tadbir Tabung Angkatan Tentera, di mana cawangan-cawangan kedai Pernama ini dicantum untuk dijadikan supermarket yang besar dan mampu bersaing dengan supermarket yang lain. Segala bekalan untuk angkatan tentera baik persenjataan, logistik, keperluan domestik, bahan-bahan makanan dan miuuman wajar diambil alih sendiri oleh syaiikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Tabung Angkatan Tentera dengan ada peraturan dan kawalan tertentu daripada pihak Kerajaan. Ini penting memandangkan negara ini diperintah secara demokrasi berparlimen dan bukan pemerintahan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, melalui dasar-dasar perindustrian negara, saya melihat bahawa anggota-anggota tentera boleh memainkan peranan penting bersama-

sama merealisasikan dasar-dasar berke-  
naan. Jika visi ini tercapai, kita nanti  
tidak lagi menjadikan anggota-anggota  
tentera yang sudah bersara dari perkhid-  
matan tentera itu hanya sebagai penga-  
wal keselamatan atau peneroka FELDA  
tetapi akan dapat melahirkan bekas-  
bekas tentera yang sama-sama membina  
negara dalam bidang industri, baik in-  
dustri utama mahupun industri hiliran.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang  
perumahan — hari ini anggota-anggota  
tentera terpaksa bersaing dengan rakyat  
yang lain untuk mendapatkan rumah  
murah Kerajaan atau rumah-rumah yang  
dibina oleh perbadanan-perbadanan yang  
diwujudkan oleh Kerajaan mahupun  
pihak swasta. Saya percaya melalui  
Tabung Angkatan Tentera ini, setiap  
anggota Tentera yang mula berkhidmat  
dengan Angkatan Tentera Malaysia,  
sudah dipotong 1/8 atau lebih rendah  
darinya untuk digunakan ke arah  
penyediaan rumah bila mana anggota-  
anggota tentera ini mula bersara.

Dengan cara ini tidak akan  
menyusahkan anggota-anggota tentera  
mendapatkan rumah. Kuota khas untuk  
anggota-anggota tentera wajar ditingkat-  
kan sehingga 20% bagi mana-mana Ke-  
rajaan Negeri dalam pemberian rumah  
murah Kerajaan atau melalui kekuatan  
kewangan Tabung Angkatan Tentera di  
setiap bandar utama di negara ini dibina  
taman-taman perumahan dengan nama  
Taman Perwira' atau Taman Pahlawan'.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya  
sudah ada Kerajaan-kerajaan negeri  
bertindak ke arah itu, tetapi ianya masih  
amat sederhana dalam tindakan menye-  
babkan masalah perumahan anggota-

anggota tentera masih menghantui ang-  
gota tentera sendiri. Oleh itu, usaha-  
usaha Kerajaan terus ditingkatkan, di  
samping pihak pemaju perumahan ter-  
utama swasta dapat sama-sama mem-  
bantu menyelesaikan masalah perumahan  
anggota tentera ini.

Akhirnya, saya menyokong Rang  
Undang-undang Tabung Angkatan Ten-  
tera dan Tabung Bekas Perajurit (Pin-  
daan) 1994. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan  
Hajah Habshah binti Haji Osman.

5.30 *ptg.*

**Puan Hajah Habshah binti Haji  
Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-  
Pertua. Dengan ini saya ingin turut  
bersama-sama membahaskan Rung  
Undang-undang bernama suatu Akta un-  
tuk meminda Akta Tabung Angkatan  
Tentera dan Tabung Bekas Perajurit,  
1973 dengan tujuan untuk memperbaiki  
kedudukan institusi ini dan seterusnya  
melindungi kebajikan ahli-ahli tentera  
dan juga bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat  
dinafikan iaitu Tabung Angkatan Tentera  
dan Tabung Bekas Perajurit telah pun  
banyak membantu ahli-ahli mereka di  
dalam pelbagai aspek baik dari segi  
sosial ataupun ekonomi. Saya berharap  
dari usaha berterusan yang positif harus  
dikenal pasti supaya mutu dan kualitinya  
terus meningkat. Ini juga memandang-  
kan bahawa anggota-anggota tentera dan  
bekas perajurit telah pun sanggup me-  
perjuangkan nyawa mereka demi untuk  
keselamatan dan nama baik negara  
seperti yang telah berlaku baru-baru ini

di mana perajurit-perajurit kita di Bosnia dan di Somalia telah pun terkorban. Walaupun penghormatan dan sanjungan telah diberikan, termasuk sumbangan kewangan, juga janji-janji untuk membantu persekolahan anak-anak mereka hingga ke peringkat tertinggi, namun demikian saya rasa ini tidaklah mencukupi bagi sesuatu keluarga di mana si isteri kehilangan suami dan anak-anak kehilangan bapa.

Saya cadangkan, adalah satu tindakan yang baik jika pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit memberi bantuan secara berterusan, bukan sahaja menjaga kebajikan keluarga anak-anak perajurit yang terkorban sewaktu menjalankan tugas mereka, tetapi juga perajurit-perajurit yang tinggal di tempat-tempat yang mempunyai kos hidup yang tinggi seperti di Pulau Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi anak-anak yang bapa mereka terkorban, tidak dapat dinafikan kemungkinan isteri-isteri tentera yang gugur akan berkahwin semula dan mempunyai suami baru dan anak-anak pula mempunyai bapa baru, tetapi kebajikan anak-anak ini haruslah dijaga sebagai satu amanah kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak, dapat dinafikan pindaan Akta ini adalah untuk memperbaiki lagi kaedah pengurusan Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973. Salah satu tujuan utama ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan dan juga skop bidang pelaburan. Di sini ingin saya cadangkan di dalam pengurusan kedua-dua tabung ini, golongan profesional dari pihak swasta bolehlah dilantik untuk

menduduki kerusi Lembaga Pengarah tabung-tabung tersebut. Golongan-golongan profesional yang dihormati dan usahawan-usahawan berjaya di dunia korporat mungkin dapat membantu tabung-tabung ini untuk menentukan arah tujuan dan secara tidak langsung meluaskan lagi portfolio pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, hal lain yang ingin saya sentuh ialah pada masa kini hampir 6,000 orang tentera negara kita bersara setiap tahun dan hampir 300,000 hingga ke 400,000 orang perajurit telah pun bersara. Saya ingin mencadangkan satu kajian terperinci dijalankan supaya kita dapat mengetahui kedudukan sosio-ekonomi mereka. Secara amnya, kita sering diberitahu setelah bersara mereka menjadi security guard, pemandu ataupun balik ke kampung untuk bertani.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat usaha untuk melatih mereka di berbagai-bagai bidang supaya mereka berdikari, selepas perkhidmatan tentera, tetapi dengan keadaan sekeliling sekarang, khususnya, negara kita terlalu bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Mungkin pihak Kerajaan dan swasta patut menimbangkan untuk menggunakan tenaga tentera-tentera yang telah bersara ini kerana dengan kecekapan mereka, saya percaya umur 45 tahun persaraan tentera, seseorang ahli bekas tentera itu boleh dilatih untuk memaksimumkan pulangan ekonomi melalui latihan semula secara cekap dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, apa yang ingin saya sampaikan di sini ialah pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera harus menjaga

kepentingan keluarga dan ahli tentera, menggunakan lebih ramai tenaga profesionalnya dan juga memaksimumkan guna tenaga anggota tentera yang telah bersara.

Akhir sekali, di sini juga saya tidak terlewat bagi saya untuk mengucapkan takziah kepada ahli-ahli keluarga tentera yang suami-suami mereka telah terkorban di Bosnia dan Somalia. Semoga roh-roh mereka ini dicucuri rahmat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

5.35ptg.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan serta menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit, 1973.

Daripada apa yang disyorkan dalam pindaan ini, saya dapati bahawa pada keseluruhannya, corak pelaburan Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit kini menjadi lebih kurang konservatif apabila dibandingkan dengan dahulu. Setahu saya, biasanya dari segi pelaburan, apabila pelaburan risikonya tinggi, pulangnya juga tinggi dan apabila pelaburan risikonya rendah, pulangnya juga rendah ataupun sebaliknya, saya rasa lebih tepat, semasa kita membuat pelaburan, apabila pulangnya kurang, risikonya rendah. Apabila kita membuat pelaburan dalam projek-projek yang pulangnya lebih tinggi, tetapi seringkali kita dapati risikonya agak tinggi.

Apabila saya mengkaji apa yang terdapat dalam pindaan ini, saya dapati 70% daripada jumlah pelaburan masih dibuat dalam apa yang saya anggap sebagai pelaburan yang risikonya masih rendah dan yang baki 30% mungkin boleh kita sifatkan sebagai pelaburan yang ada risiko tetapi pulangnya mungkin tinggi. Saya rasa ini adalah merupakan satu keseimbangan yang baik dan dengan adanya pindaan ini, kita pastikan terdapat dana pelaburan yang lebih bagi menyokong serta membiayai enterpris-enterpris perniagaan dan perdagangan baru.

Saya ingin merujuk kepada seksyen 4(b):

"(b) tidak lebih daripada tiga puluh peratus daripadanya:

- (i) dalam enterpris-enterpris perniagaan dan perdagangan yang tidak disenaraikan dan disebutkan dalam mana-mana bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia:"

Dengan adanya peruntukan sedemikian, saya yakin, dana pelaburan yang lebih akan disediakan bagi membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang mahu menubuhkan enterpris-enterpris perniagaan yang mempunyai masa depan yang baik tetapi mungkin menghadapi masalah kekurangan dana. Memang enterpris-enterpris ini boleh mendapatkan pinjaman daripada bank-bank dan juga syarikat-syarikat kewangan tetapi dengan adanya satu punca dana yang lebih lagi, iaitu daripada Tabung Angkatan Tentera, saya

rasa ini, sedikit sebanyak akan membantu proses perkembangan perindustrian dan juga perkembangan sektor komersil di Malaysia;

Kemudian sebahagian daripada tiga puluh peratus pelaburan ini boleh juga di buat:

- "(ii) dalam modal ekuiti di mana-mana syarikat yang disenaraikan dan disebutkan dalam mana-mana bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia;"

Dalam hal ini saya berharap Tabung Angkatan Tentera akan berjaga-jaga dan apa jua pelaburan yang dibuat dalam modal ekuiti haruslah dibuat dalam apa yang disebutkan sebagai 'Trustee stocks'. Ini adalah kerana, seperti apa yang kita tahu, stock market ataupun bursa saham ini, ada masa harganya melambung seperti tahun lepas dan ada masa harganya jatuh seperti sekarang, dan kalau kita tidak berjaga-jaga, dan kita membeli apa sahaja saham yang disenaraikan, ini akan mendatangkan risiko yang tinggi dan kalau kita tidak jaga 'jari' Tabung Angkatan Tentera mungkin akan dibakar ataupun kalau diterjemahkan secara literal "getting our fingers burnt".

Saya ingin mencadangkan di sini bahawa kalau hendak buat pelaburan dalam modal ekuiti mana-mana syarikat, syarikat-syarikat ini haruslah syarikat-syarikat yang baik dan ekuitinya merupakan apa yang kita panggil Trustee's Stocks.

- " (iii) dalam pinjaman kepada mana-mana enterprais atau selain daripada suatu enterprais atau syarikat yang di dalamnya Lembaga telah membuat pelaburan menurut Perenggan (b) (i) atau (ii):

Dengan syarat bahawa pinjaman sedemikian hanya boleh diberikan atas jaminan harta tak alih dan bahawa nilai pinjaman yang diberikan sedemikian tidak melebihi tujuh puluh peratus daripada nilai jaminan itu ....."

Saya ingin bertanya, kalau adanya syarikat yang ditubuhkan oleh bekas perajurit, prospeknya baik, tetapi harta tak alih nilainya tidak banyak, adakah dengan demikian, mereka itu tidak layak mendapatkan pinjaman? Saya rasa kalau demikian, ini amat sayang sekali sebab mungkin ada bekas perajurit yang mahu menceburi dalam bidang perniagaan dan perdagangan dan syarikat yang mereka tubuhkan ini mempunyai jangkaan perolehan masa depan yang tinggi 'expectation of good future earnings'. Jadi kalau demikian, tidakkah mereka ini layak mendapat pinjaman?

Pada hemat saya, memang mereka layak sebab kalau kita membuat nilai sekarang ataupun 'present value' tentang jangkaan perolehan masa depan mereka, kita dapati bahawa nilai sekarang, jangkaan perolehan masa depan mereka ini mungkin tinggi. Berasaskan kepada perkara ini, saya rasa Tabung Angkatan Tentera haruslah memberikan pinjaman kepada mereka walaupun syarikat-syarikat sedemikian tidaklah mempunyai harta tak alih yang mereka boleh kemukakan sebagai jaminan.

Jadi itu sahajalah pandangan saya mengenai pindaan ini. Saya berharap Tabung Angkatan Tentera boleh menimbang semula tentang perenggan (iii) (b). Saya rasa kalau kita menghadkan pinjaman kepada mereka yang mempunyai

harta tak alih yang bernilai tinggi, kita tidak membantu mereka yang mempunyai semangat pengusahawan, tetapi tidak mempunyai harta tak alih yang bernilai tinggi dan walaupun syarikai mereka ini mempunyai prospek yang baik sekali. Saya rasa kita harus memberi sokongan kewangan kepada mereka, khususnya bekas perajurit kalau apa yang mereka ingin menceburi memang mempunyai masa depan yang amat cerah sekali.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya untuk pindaan pindaan yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang.

*5.44 ptg.*

**Tuan Janggu anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ingin mengambil kesempatan ini untuk rhenyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1994.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara-perkara bekas perajurit kita oleh kerana kebanyakan bekas perajurit kita dari Sarawak tinggal di pedalaman oleh kerana mereka itu tidak dapat mengambil maklumat-maklumat yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dan saya rasa kagum dengan cadangan-cadangan itu oleh kerana mereka yang tinggal di pedalaman kurang tepat mengambil maklumat-maklumat dalam hal melabur di bidang perdagangan.

Oleh itu, saya juga ingin menyentuh sedikit dan meminta penjelasan mengenai bekas-bekas Sarawak Rangers dahulu. Oleh kerana sebelum Sarawak memasuki Malaysia, bekas Sarawak Ranger adalah satu pasukan tentera juga untuk menjaga keselamatan negara kita. Kebanyakan mereka yang telah bersara tinggal di pedalaman dengan tidak ada langsung hubungan dengan persatuan bekas perajurit ataupun Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit. Oleh itu penghidupan mereka di dalam kawasan pedalaman itu menimbulkan masalah. Saya melihat ramai anak-anak mereka tidak dapat pergi ke sekolah oleh kerana kesuntukan kewangan misalnya dan begitu juga kerana jauh dari tempat persekolahan.

Kebanyakan pesara dari kalangan bekas perajurit atau angkatan tentera yang dikatakan Sarawak Rangers ini ramai tinggal di hulu-hulu sungai. Oleh kerana mereka itu tinggal di hulu-hulu sungai, tidak dapatlah kita hubungi. Saya mencadangkan, kalau dapat kita mengkaji semula berapa ramaikah mereka itu yang belum mengenali Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit ini untuk memberikan mereka maklumat-maklumat yang baik.

Saya juga minta mengkaji semula bekas-bekas tentera yang sudah bersara dari Semenanjung yang balik ke kampung masing-masing di Sarawak untuk memberi maklumat-maklumat kepada mereka. Oleh kerana saya lihat sebahagian dari bekas perajurit kita ini balik ke Sarawak, oleh kerana mereka sudah

berkhidmat dalam tentera, apabila mereka balik ke kampung, mereka sudah tertinggal development. Dia balik ke kampung tidak ada buat apa-apa. Tanah pun tak ada — dia hendak bercucuk tanam pun tak ada tanah. Oleh kerana dia sudah lama berkhidmat dalam tentera, apabila balik ke kampung, tak ada tanah, maka saya minta Kementerian Pertahanan memberi peruntukan tanah empat atau lima hektar kepada bekas-bekas perajurit. Oleh itu, kalau kita tidak beri kepada mereka, mereka tidak akan dapat bercucuk tanam.

Kebanyakan yang tak ada tanah juga, mereka merantau ke bandar. Di bandar mereka duduk di tanah haram atau di kawasan setinggan. Kebanyakan dari mereka, apabila Kerajaan menghalaukan dia, dia pun tidak dapat pergi ke mana-mana. Kita pun sedih juga melihat keadaan begitu. Oleh kerana kita mengetahui mereka sudah lama memperjuangkan negara, sepatutnya kita anggap mereka sebagai sebahagian daripada perjuangan kita — jangan kita biarkan mereka duduk di dalam kawasan setinggan. Sepatutnya mereka itu kita anggap sebagai perjuangan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Janggu, bolehkah saya tahu, adakah bekas Sarawak Rangers ini, termasuk dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera? Adakah mereka memberi sumbangan?

**Tuan Janggu anak Banyang:** Setakat ini tidak adalah. Bekas Sarawak Rangers itu tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apalah, silakan.

**Tuan Janggu anak Banyang:**

Selain dari itu juga, saya harap Kementerian Pertahanan apabila tentera kita tewas di medan peperangan, ada timbul juga masalah tuntutan. Itu saya pun ada dua atau tiga bukti yang menunjukkan tuntutan itu berbeza.

Itu saya ingin minta penjelasan. Kenapa tuntutan itu tidak seimbang. Ini saya pun minta penjelasan kerana ada dua tiga orang di Sarawak terkoiban. Perbezaan tuntutan, mungkin life insurance, tetapi pembayarannya berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang, elok kalau diperkatakan mengenai Kementerian Pertahanan. Kebetulan Akta ini berkaitan dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Tetapi saya boleh benarkan, tetapi saya rasa kita harus pisahkan antara LTAT dengan Kementerian Pertahanan.

**Tuan Janggu anak Banyang:** Ya. Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Janggu anak Banyang:** Terima kasih. Untuk mengakhiri ucapan saya, saya mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan ini akan mengkaji semula berapa ramai bekas perajurit kita yang tidak ada pekerjaan. Dengan itu, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Lerabaga Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1994. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Husin.

5.53 *ptg.*

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin megambil bahagian untuk membahas suatu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pertahanan yang telah pun menyusun pindaan ini yang lebih menekankan ke arah pembelaan nasib kaum perajurit sama ada angkatan tentera yang masih berkhidmat ataupun yang sudah pun bersara. Institusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ini, saya difahamkan adalah sebuah tabung yang diamanahkan oleh tentera untuk menjalankan tugasnya dalam pembelaan nasib mereka terutamanya di bidang ekonomi.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah LTAT ini benar-benar memberi pembelaan kepada angkatan-tentera untuk menjamin peningkatan ekonomi mereka sama ada tentera yang sedang berkhidmat ataupun yang sedang bersara?

Yang kedua, dalam era yang kita lihat pada masa kini, dalam keadaan negara kita yang lebih menerapkan nilai-nilai Islam, kalau kita lihat dalam KWSP dan juga institusi kewangan dalam negara ini, sudah mula diislamisasikan oleh pihak Kerajaan. Apakah LTAT akan menjurus ke arah ini? Saya percaya Kementerian Pertahanan sendiri pun telah membuat satu dasar mengenai kenaikan pangkat tentera yang beragama Islam berasaskan kewibawaan dan prestasi mereka di bidang keislaman. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri

Pertahanan, apakah LTAT ini juga telah pun dipersiapkan oleh pihak Kementerian Pertahanan menjurus ke arah mengislamisasikan bentuk pelaksanaan, perjalanan dan juga pelaksanaannya ini ke arah keislaman seperti yang telah ditunjuk dan dipandukan oleh Kementerian Kewangan sendiri dalam bidang-bidang kewangan.

Yang ketiga, saya telah pun melihat kepada perkhidmatan tentera kita ini adalah satu golongan yang telah banyak menyumbangkan jasa dan baktinya untuk mempertahankan negara ini, hatta dengan mengorbankan nyawa mereka sendiri dan apabila kita melihat kepada tentera yang ada pada masa kini sudah melintasi secara global untuk menjadi suatu tentera yang berdedikasi dalam mengamankan dunia.

Oleh yang demikian, apabila kita melihat kepada tugas dan tanggungjawab mereka adalah begitu berat dan keadaan mereka yang telah pun menunjukkan bakti mereka yang begitu baik dan cemerlang, maka kebajikan mereka adalah penting. Saya menyokong rakan-rakan saya yang telah berucap, beberapa orang sebentar tadi yang telah pun menitikberatkan kepada soal-soal kebajikan kaum tentera yang terutama bekas-bekas tentera yang telah bersara kerana mereka ini perlu dijaga.

Saya difahamkan setiap anggota tentera ini mempunyai kepakaran-kepakaran mereka yang tertentu. Apabila mereka merapunyai kepakaran, mereka setelah bersara akan berada dengan masyarakat dan bila mereka berada dalam masyarakat, oleh kerana tekanan-tekanan hidup yang mereka rasai ataupun kepahitan hidup selepas mereka bersara, apa yang saya bimbangkan

kalau kebajikan mereka setelah bersara ini tidak dipandang serius oleh Kerajaan; mereka akan terlibat ataupun terjerumus ke arah perkara-perkara yang lebih negatif. Saya tidak menafikan ada bekas-bekas tentera yang setelah bersara berada di dalam kampung-kampung, ada di kalangan mereka yang menentang Kerajaan secara terbuka. Khususnya di negeri Kelantan misalnya.

Penentangan ini dilihat seolah-olah mereka merasakan bahawa diri mereka tidak terbela, bahkan mereka merasakan bahawa jasa dan bakti mereka yang lalu hanyalah dipandang sebagai "jasamu dikenang" sahaja. Tetapi tidak ada apapun yang dapat diberikan kepada mereka khususnya untuk meningkatkan ekonomi mereka. Dan kita tidak menafikan ada bekas tentera yang telah menjadi usahawan yang begitu berjaya dan sebagainya, Tetapi apa yang pentingnya ialah ada di antara mereka yang secara terbuka memberi penentangan kepada Kerajaan dan luahan hati mereka yang saya dapat kesan ialah mereka merasakan bahawa mereka tidak diberi pembelaan.

Mereka menyatakan bahawa walaupun mereka telah pun dinyatakan diberi suatu kemudahan apabila telah bersara, akan diberi kemudahan untuk diserapkan di dalam jabatan-jabatan Kerajaan ataupun di dalam sektor-sektor swasta dan sebagainya. Tetapi mereka kata apabila mereka bertemu dan melibatkan diri untuk-mengadakan temuduga dan sebagainya, mereka tidak diberikan layanan yang baik.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan penjelasan, berapa ramai bekas angkatan tentera yang telah

diserapkan, yang telah bersara dan yang masih boleh berkhidmat telah diserapkan ke jabatan Kerajaan ataupun swasta. Kerana perkara ini adalah penting untuk kita mengambil peranan. Dan selain daripada itu, apakah seluruh perajurit-perajurit yang telah bersara ini berada ataupun berdaftar dengan Persatuan Bekas-bekas Perajurit? Sekurang-kurangnya mereka ini akan dapat di-kesan kedudukan mereka, akan dapat dibela mengenai nasib mereka dan anak-anak mereka.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan di dalam Majlis yang mulia ini, bahawa sedikit sebanyak kita jangan lupa perajurit-perajurit yang telah bersara ini adalah mereka ini mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu dan mereka boleh dan saya yakin bekas perajurit ini adalah mereka yang layak dan mempunyai disiplin yang baik kalau mereka diletakkan di mana-mana sama ada di dalam jabatan Kerajaan ataupun swasta ataupun di bidang-bidang ekonomi yang lain.

Apabila saya mendengar sebentar daripada rakan-rakan kita memohon supaya angkatan tentera khususnya di bidang perumahan diambil/kira dan ini saya amatlah memberi sokongan kerana kita dapati masih kedapatan bekas-bekas perajurit yang terpaksa hidup mereka menumpang di rumah keluarga mereka ataupun terpaksa menyewa rumah ataupun hidup mereka terbiar kerana tidak mempunyai pembelaan di bidang perumahan ataupun penempatan mereka yang baik. Apa salahnya kalau mereka ini di-buatkan satu perkampungan ataupun diwujudkan satu kawasan bagi tiap-tiap negeri iaitu kampung bekas-bekas perajurit?

Namakanlah apa nama kampung sekalipun tetapi mereka ini diberi keistimewaan untuk memiliki tanah-tanah daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerana sekarang ini, kalau kita tengok Kerajaan Negeri memberi tanah kepada mereka, ada juga di kalangan mereka yang mendapat tanah itu hanyalah untuk komersil, untuk buat perniagaan dan sebagainya. Tidak menjadi masalah bagi Kerajaan Negeri kalau dapat memberi kerjasama yang baik kepada Kementerian Pertahanan untuk memberi penganugerahan tanah sama ada untuk perumahan ataupun untuk kegiatan ekonomi kepada bekas-bekas perajurit dalam negara ini.

Sebenarnya kalau kita lihat kepada kecekapan dan juga keikhlasan perjuangan perajurit-perajurit kita yang telah menabur bakti, saya melihat dan saya membaca berita mengenai gerakan ataupun prestasi perajurit-perajurit kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, boleh kita sentuh sedikit tentang Akta ini. Berkaitan dengan pindaan-pindaan ini.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Ya. Terima kasih. Saya sebenarnya memang saya tahu dalam Akta ini kalau kita hendak bahaskan satu persatu tetapi saya hendak memasukkanlah untuk tindakan Kementerian Pertahanan sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua, pada saya sudah lama saya memikirkan perlu ada suatu pembelaan kepada perajurit khususnya kepada bekas-bekas perajurit demi untuk kepentingan mereka bersama.

Jadi, walaupun dalam Akta ini, saya melihat dalam soal pencaruman, bagi saya yang penting ialah kalau pencaru-

man dan sebagainya, tetapi kepentingan yang utama adalah pembelaan kepada mereka sendiri. Selain dari itu, amanah kepada pihak Tabung Angkatan Tentera ini, khususnya kepada Lembaga Pengarah mereka adalah diharapkan supaya Tabung Angkatan Tentera ini benar-benar dapat menjalankan tugas mereka sebagai sebuah tabung yang diamanahkan oleh tentera untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 ini dengan sempurnanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu pandangan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam penentuan waktu kita bersidang ini, kita jangan bimbang kepada waktu yang kita hadapi ini. Sekiranya, umpamanya Menteri atau Timbalan Menteri menjawab terakhirnya sebelum 6.30 petang, kita boleh habis. Dengan ada prosedur biasa iaitu Ahli Yang Berhormat mencadangkan ditangguhkan, kita boleh tangguhkan. Jangan bimbang sampai kita terpaksa hendak bercakap, hendak cukupkan waktu, tidak payah macam itu. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada lagi yang hendak bercakap? Ya? (*Disampuk*) Okay. Dengan hormatnya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Silakan.

6.03 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah me-

ngambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhonnat Senator Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Senator Puan Kelsom Yaacub, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah Haji Osman, Yang Berhormat Senator Dr. Toh Kin Woon, Yang Berhormat Senator Tuan Janggu anak Banyang dari Sarawak dan akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha Hussin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi ke satu persatu perkara yang dibangkitkan, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada sesi yang lalu iaitu pada bukan April, kita sudah meluluskan satu Rang Undang-undang iaitu pindaan kepada Akta Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang mana kita telah membawa secara menyeluruh, perkara-perkara pindaan yang menyentuh berkenaan dengan kedudukan bekas-bekas tentera sehingga Akta ini telah kita pinda untuk memasukkan Akta yang memperuntukkan boleh diwujudkan satu Tabung Angkatan Tentera dan juga Perbadanan Bekas Perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita telah membincangkan dengan pandangan lebar dahulu iaitu semasa kita membentangkan Rang Undang-undang tersebut tentang faedah-faedah yang kita akan memberikan kepada bekas-bekas perajurit melalui pindaan Akta itu, iaitu secara ringkasnya, Akta sekarang ini memperuntukkan kita ada satu Tabung Bekas Perajurit untuk membantu kebajikan bekas-bekas perajurit dan yang keduanya, kita mewujudkan Perbadanan Bekas Perajurit iaitu memjalankan semua kegiatan-kegiatan untuk membantu bekas perajurit. Dari segala perkara yang dibawa oleh Yang. Berhormat tadi,

kebanyakannya telah kita liputi dalam perbahasan kita dalam masa kita meluluskan Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Namun begitu, sebagai tambahan mungkin, Tuan Yang di-Pertua, saya ulas sedikitlah tentang perkara-perkara yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba — tentang keadaan perumahan. Pindaan pada kali ini, kita bawa khusus supaya satu peruntukan dibuat yang mana pencarum akan dapat mengeluarkan wang caruman sebahagian daripadanya untuk membeli rumah. Jadi, ini satu peruntukan yang patut oleh kerana kita fikir bahawa anggota tentera apabila mereka bersara, mereka akan ada sebuah rumah kediaman untuk mereka duduk dengan keluarga ini,

Bagi anggota tentera yang sedang berkhidmat, untuk makluman Dewan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menekankan kepada penyediaan rumah-rumah keluarga untuk mereka. Kita menganggarkan hampir 70,000 buah rumah yang sepatutnya akan dibina untuk anggota tentera. Hingga setakat ini, kita telah membina hampir 60% daripada keperluan itu. Bermakna dalam Rancangan Malaysia Kelima telah memenuhi keperluan serta sasaran (target) kita dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, segala peruntukan yang diberikan kepada kita, kita telah gunakan. Malahan kita dapat peruntukan khas daripada Kerajaan sekarang ini dan itu pun semua dalam rancangan kita dan kita akan selesaikan pembinaan mengikut jadual. Kita ada baki lagi — lebih kurang 20,000 rumah yang perlu kita bina. Ini kalau kita mendapat peruntukan daripada Kerajaan, kita boleh bina dan

ia memerlukan peruntukan lebih kurang RM1.8 juta, untuk makluman Ahli Yang Berhormat- Bagi Kementerian, tidak ada masalah. Ada peruntukan ini disediakan, kita akan bina rumah untuk angkatan tentera.

Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba juga menyentuh tentang pengeluaran caruman ini. Peruntukan mengenai berapa peratus yang boleh dikeluarkan daripada tabung diperuntukkan dalam Fasal 6 di mana peratusannya/boleh ditetapkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera melalui peraturan-peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 22 Akta. Jadi, peraturannya akan kita buat dan gubal. Kita tidak nyatakan dalam Rang Undang-undang ini.

Seterusnya, Yang Berhormat juga menyentuh tentang peranan LTAT. Seperti saya telah sebut, sebenarnya peranan LTAT adalah untuk memberi faedah kepada pencarumnya. Dengan pindaan Akta ini yang mana LTAT sekarang ini juga meliputi bekas-bekas perajurit, maka sekarang ini peranan LTAT juga akan memberi faedah kepada bekas perajurit seperti yang saya jelaskan tadi. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat tersebut telah kita ambil kira, yang mana segala keuntungan dan juga pelaburan-pelaburan kita yang mendatangkan pulangan yang baik, bukan sahaja dinikmati oleh pencarum-pencarum tetapi juga oleh bekas perajurit iaitu melalui Tabung Bekas Perajurit dan juga projek-projek serta kegiatan yang akan dijalankan oleh Perbadanan Bekas Perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Kelsom Yaacob membangkitkan beberapa per-

kara iaitu tentang pendidikan kepada anggota tentera yang sedang berkhidmat. Sebenarnya, ATM membuka peluang yang sangat luas kepada anggotanya untuk menimba ilmu pengetahuan malahan hingga peringkat yang tertinggi iaitu ke pusat pengajian tinggi, di universiti tempatan dan juga ke luar negeri.

Selain daripada itu juga, ATM juga mendedahkan anggotanya kepada kursus-kursus kemahiran semasa raereka bertugas sama ada di bidang-bidang profesional dan juga latihan kemahiran-kemahiran yang lain. Ini pun kita mendapat keuntungan oleh kerana sebanyak 40 'trade' yang kita jalankan di Kementerian Pertahanan ini telah diiktirafkan oleh MLBK yang mana mereka boleh menggunakan sijil-sijil ini kerana diiktirafkan oleh MLBK untuk mendapatkan pekerjaan di luar daripada angkatan tentera.

Berkenaan dengan bantuan kewangan kepada anak-anak anggota tentera, ini juga kita mengadakan memudahkan itu yang mana Kementerian Pertahanan sendiri ada mengeluarkan biasiswa-biasiswa kepada anak-anak anggota tentera kita. Selain daripada itu, anak-anak anggota tentera juga berhak atau boleh mendapat bantuan daripada saluran biasa melalui biasiswa-biasiswa yang ditajakan oleh Kerajaan ataupun badan-badan yang lain. Dalam erti kata yang lain, anak bekas tentera lebih beruntung. Mereka boleh memohon daripada MARA, boleh memohon daripada penganjur biasiswa yang lain dan tambahan itu, mereka juga boleh memohon daripada angkatan tentera. Jadi, ini kita telah ambil kira.

Tentang PERNAMA ini, Yang Berhormat, untuk makluman Dewan ini juga, sebenarnya memang PERNAMA ini milik 100% LTAT.

Jadi, tentang urusan dari segi menguruskan PERNAMA ini untuk dijadikan lebih besar, itu terpujalah kepada pengurusan PERNAMA sendiri yang mana di bawah LTAT 100%.

Tentang kenyataan Yang Berhormat dan juga oleh Yang Berhormat Senator yang lain bahawa anggota kita ini kebanyakan menjadi jaga sahaja, sebenarnya, ini tidaklah tepat. Bagi yang mempunyai kemahiran, kelulusan dan juga yang bersesuaian, mereka ini telah banyak mendapat pekerjaan di sektor swasta. Malahan sebenarnya, ATM adalah salah satu daripada jabatan Kerajaan yang menyediakan satu tenaga kerja sama ada profesional dan juga mahir kepada pasaran. Contoh, umpamanya juruterbang-juruterbang kita, 'technician' kita dan juga juruteknik yang mempunyai kemahiran ini, sampai kita tidak boleh hendak menahan mereka ini kalau mereka hendak keluar daripada ATM dan bekerja di sektor swasta. Mungkin sebahagian kecil yang tidak mempunyai kemahiran tersebut, mereka ini mungkin akan menjadi jaga. Tetapi sebelum mereka bersara, kita sebenarnya melatih mereka ini di dalam berbagai-bagai kemahiran dan Kementerian telah membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit melatih mereka, memberi kemahiran di dalam bidang pembinaan, dalam bidang membaiki radio, dalam bidang motor mekanik dan sebagainya. Tetapi kadangkala anggota kita ini memilih selepas bersara balik ke kampung. Apabila balik ke kampung, segala kemahiran yang mereka belajar ini, tidak dapat dipraktikkan kerana pasarannya kurang dan sebagainya. Jadi, ini yang lalu — saya menyebut. Jadi, tidak menafikanlah ada sedikit-sedikit yang mengalami nasib yang begitu. Tetapi ramai juga yang

berjaya dalam bidang perniagaan atau mendapatkan pekerjaan semula. Ini keadaan yang telah berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian dengan peruntukan yang ada sekarang ini Tabung Bekas Perajurit akan menyediakan satu program latihan semula yang lebih baik supaya sesuai dengan kehendak pasaran. Jadi, bermakna anggota yang ada ini kita sediakan mereka, apabila mereka hendak bersara, mereka dilatih di dalam berbagai-bagai kemahiran untuk memenuhi kehendak pasaran. Jadi, ini maknanya keadaan akan berubah lebih baik lagi pada masa hadapan di mana anggota-anggota kita ini akan dapat dijamin kedudukan mereka sama ada di sektor swasta ataupun mungkin di sektor Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Hajah Habshah membangkitkan beberapa perkara dan kebanyakan perkara yang dibangkitkan saya telah juga rangkumkan dalam jawapan sebelum ini tadi. Tentang cadangan Yang Berhormat supaya kita membuat kajian yang terperinci supaya kita dapat mengkaji kedudukan sosio ekonomi anggota bekas perajurit ini, ini kita akan jalankan melalui Tabung Bekas Perajurit ini. Seterusnya, kajian ini perlu untuk kita mengenal pasti apakah langkah-langkah yang kita akan ambil untuk membantu mereka.

Seperti yang kita maklum, setiap tahun lebih kurang 5,000 orang anggota tentera lain-lain pangkat dan 500 pegawai yang bersara. Jadi, kita perlu membuat satu program yang kemas kini untuk menjaga kepentingan mereka ini. Untuk makluman Dewan, kita tidak membiarkan begitu sahaja sebenarnya

anggota-anggota tentera kita yang bersara ini. Kita latih mereka dan seterusnya kita jaga kepentingan mereka. Tetapi setelah kita membuat semuanya ini, sekarang ini kita ada pula peruntukan boleh beri pinjaman kepada mereka untuk berniaga dan menjalankan usahawan. Pada akhirnya, mereka itu sendiri kena berusaha sedaya upaya untuk memajukan diri mereka. Asasnya kita beri kepada mereka.

Misalannya, sekarang ini jawatan-kuasa/yang saya pengerusikan iaitu peringkat kebangsaan, kita ada juga jawatankuasa peringkat negeri yang mana kita koordinasikan wakil-wakil Kerajaan Negeri ini untuk memberi bantuan kepada bekas-bekas perajurit dalam bidang umpamanya, Kerajaan Negeri dari segi tapak rumah perumahan kos rendah diberikan keutamaan. Begitu juga permohonan untuk menyertai skim FELCRA, FELDA dan sebagainya. Jadi, mereka mendapat keutamaan dalam perkara ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Toh Kin Woon membangkitkan tentang pelaburan. Jadi, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu supaya kita berhati-hati di dalam mengadakan pelaburan kita supaya kita dapat menjamin bahawa tabung ini tidak akan rugi, maknanya dijamin tidak terjadi perkara-perkara yang tidak diingini. Kita mempunyai panel pelaburan yang dianggotai oleh kalangan profesional dan juga yang mahir dalam bidang ini. Kita tidak akan melabur dalam bidang-bidang yang risikonya tinggi ataupun dalam bidang-bidang yang boleh menjejaskan kedudukan tabung kita ini. Semua kajian ini dibuat dengan begitu terperinci.

Sebagai buktinya, LTAT ini telah wujud sekian lama dan kita telah membuat pelaburan-pelaburan dalam bidang-bidang yang baik sehinggakan kita boleh mengeluarkan dividen-dividen dan bonus yang tinggi. Umpamanya, dalam tahun 1992 kita mengeluarkan 7% dividen dan 4% bonus — jadi jumlah 11%. Dalam tahun 1993 pula, 7% dividen dan 5% bonus iaitu 12%. LTAT mempunyai syarikat-syarikat perniagaan yang besar-besar seperti bank, umpamanya Afin-Perwira Bank dan syarikat kewangan — banyak lagi contoh-contohnya. Banyak syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, pendek kata ini membukikan LTAT telah mengelolakan tabung ini dengan baik selama ini.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang tadi, tentang Sarawak Ranjers ini, saya akan mengambil pandangan ini dan seterusnya menyiasat kedudukan mereka itu.

Tentang bekas-bekas perajurit di Sarawak yang memerlukan pembelaan ini, Kementerian akan menyiasat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan seterusnya mengambil tindakan yang bersesuaian.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha membangkitkan beberapa perkara, tentang pembelaan kepada anggota yang sedang berkhidmat dan juga yang sudah bersara. Jadi, saya juga sudah jelaskan tadi iaitu bagi yang bersara pun kita jaga mereka dan yang sedang berkhidmat pun, kita memberikan syarat-syarat perkhidmatan yang baik kepada anggota kita.

Tentang penugasan anggota kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kita juga memberikan anggota kita jaminan bahawa jika apa-apa perkara terjadi yang tidak baik, kita akan mengambil tindakan untuk membela keluarga mereka. Sebagai contoh, bagi anggota-anggota kita yang terkorban semasa bertugas di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan akan menjamin anak-anak perajurit ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan pendidikan mereka daripada sekolah rendah sehinggalah sampai ke universiti. Sekarang ini kita ada 20 orang anak-anak bekas perajurit kita ini yang telah gugur yang termasuk dalam kategori ini, yang mana Kerajaan memberi jaminan pendidikan mereka ini akan ditanggung sepenuhnya sehingga sampai peringkat universiti.

Selain daripada itu, berbagai-bagai faedah lagi kita sediakan untuk mereka. Umpamanya, satu tabung khas, Tabung Penugasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kita adakan, yang mana kalau anggota ini terkorban, mereka mendapat faedah sebagai tambahan daripada faedah-faedah yang biasa mereka dapat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa ramai yang diserapkan dalam jabatan Kerajaan dan swasta ini, saya tidak mempunyai angka-angka di sini. Walau bagaimanapun, jumlahnya sangat ramai kerana kita ada hampir 300,000 bekas perajurit. Jadi, kita tidak dapat hendak memberi angka yang tepat berapa yang di sektor Kerajaan dan berapa di sektor swasta. Namun di mana yang sesuai, Kerajaan akan ambil, tetapi seperti yang kita maklum, Kerajaan sendiri sedang mengecilkan sektor ini iaitu sektor Kerajaan. Jadi, peluang untuk diserapkan

kepada Kerajaan itu adalah lebih tipis, kerana Kerajaan sendiri hendak mengecilkan sektor perkhidmatan awam, kerana banyak telah kita swastakan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu, harapan kita ialah kita latih mereka ini supaya mereka itu sesuai untuk diserapkan ke sektor swasta.

Yang Berhormat juga menanya tentang berapa ramai daripada mereka ini menjadi anggota Persatuan Bekas Perajurit. Sepanjang yang Kementerian dapat tahu daripada 300,000 orang ini lebih kurang hanya 85,000 sahaja yang menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Namun begitu, bagi pihak Kerajaan melalui Tabung Angkatan Tentera dan juga Tabung Bekas Perajurit nanti, kita akan berikan semua faedah ini kepada anggota kita ataupun bekas-bekas perajurit ini, walaupun mereka menjadi ahli persatuan ataupun tidak ahli persatuan.

Saya percaya perbadanan ini tidak akan mendaftarkan kesemua mereka yang telah bersara dan seterusnya mencari mereka yang perlu kita berikan bantuan. Bantuan-bantuan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah meliputi semua bidang, umpamanya untuk pendidikan, bantuan kepada balu-balu, bantuan kepada anak-anak bekas anggota kita ini.

Yang Berhormat juga ada menyebutkan tentang pemberian perumahan dan tapak-tapak rumah. Saya sudah sebutkan Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun di bawah Jawatan-kuasa Pembangunan dan Kebajikan Bekas Perajurit, kita koordinatkan perkara ini dengan Kerajaan Negeri iaitu kita akan memberikan keutamaan pada bekas-bekas perajurit, kerana kita sedar

mereka ini berkhidmat sekian lama dan mereka tidak mempunyai rumah ataupun tapak untuk mendirikan rumah. Jadi, bila mereka memerlukan bantuan di peringkat negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri sedia menghulurkan bantuan.

Untuk makluman Dewan, sepanjang yang saya alami beberapa tahun yang lalu, Kerajaan Negeri sangat memberikan kerjasama dalam bidang ini. Minta mereka tahu sahaja bekas perajurit yang memohon rumah murah ataupun tapak rumah/mereka akan beri pertimbangan lebih daripada orang lain. Jadi, sebab itulah kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara seumpama ini dapatlah disalurkan kepada Kementerian ataupun pada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa peratusan kecil bekas-bekas perajurit yang kecewa kerana tidak dibantu, dalam seramai 300,000 ini tentulah ada sedikit-sedikit yang mempunyai perasaan begitu. Namun kita mengambil ataupun apa yang boleh Kerajaan buat ialah mengadakan satu skim yang boleh memberikan faedah kepada hampir kesemua anggota kita. Jadi mungkinlah ada yang tertinggal sedikit dan sebagainya. Jadi, pandangan saya ialah supaya mereka ini menyalurkan perkara-perkara yang tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan. Nanti apabila kita sudah menubuhkan Tabung Bekas Perajurit ini, kalau mereka hendakkan pinjaman, mereka hendak mengadakan perusahaan ataupun perniagaan, mereka boleh salurkan kepada Tabung ini nanti. Saya percaya setelah Tabung ini beroperasi, mereka akan mengadakan 'network'nya kepada seluruh negara, jadi anggota-anggota kita bolehkah mendapatkan perkhidmatan daripada Tabung ini.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa ada banyak masalah bekas-bekas perajurit di seluruh tanah air. Oleh sebab itulah Kerajaan meminda Akta ini untuk membolehkan LTAT yang sepatutnya hanya mengelolakan pencazum-pencazum mereka, sekarang ini juga menguruskan bekas-bekas perajurit yang sepatutnya tidak diuruskan oleh LTAT. Ini adalah satu pandangan Kerajaan yang sangat serius bahawa bekas-bekas perajurit mesti dibantu.

Untuk makluman Dewan ini, untuk mengadakan perkara ini, Kerajaan akan memberi apa juga bantuan dan sebagai langkah yang pertama, Kerajaan akan mengeluarkan geran sebanyak RM26 juta setahun kepada perbadanan ini untuk membantu membangunkan kegiatan bekas-bekas perajurit.

Banyak lagi perkara-perkara yang dari masa ke semasa nanti Kerajaan akan umumkan, tetapi pada hari ini bolehlah saya kata, Kerajaan mengeluarkan sebanyak itu geran pada tiap-tiap tahun hanyalah untuk menjalankan ikhtiar supaya bekas perajurit ini bila mereka bersara, mereka akan terbela, tidak termasuk lagi pengorbanan LTAT pula, yang telah memberikan faedah kepada pencazumnya sekarang ini terpaksa pula memberi faedah kepada bukan pencazumnya. Ini juga pengorbanan bagi pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah perkara-perkara yang dapat saya jelaskan berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. Kalau ada perkara yang saya tidak sebut tadi, saya minta maaf, tetapi saya akan mengambil kira.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan tadi, pihak angkatan tentera telah mendapat penuh kerjasama daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan kita dimaklumkan kerjasama ini adalah dalam bentuk kemudahan-kemudahan asas kepada bekas-bekas perajurit. Adakah Kerajaan-kerajaan Negeri yang memberi bantuan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan bekas-bekas perajurit di peringkat negeri, untuk mereka dapat menjalankan kegiatan-kegiatan mereka bagi kepentingan bekas-bekas perajurit?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Semasa kita menjalankan kutipan 'Rayuan Hari Pahlawan', Kerajaan Negeri banyak membantu dalam perkara ini. Sebagai contoh beberapa buah Kerajaan Negeri ada mengadakan jamuan dengan" belanja berpuluh-puluh ribu ringgit, hasil kutipannya diserahkan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan, Jadi, maknanya Persatuan Bekas Perajurit sudah jimat duit, mereka tidak payah bayar makanan-makanan itu, perbelanjaan jamuan itu dibelanja oleh Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu Kerajaan-, kerajaan Negeri juga ada memberikan sumbangan pula untuk pentadbiran. Ada yang . memberikan sumbangan RM10,000, ada yang RM20,000 ada yang RM30,000 kepada Persatuan Bekas Perajurit untuk belanja pentadbiran. Itu adalah bantuan yang telah diberikan. Ada juga Kerajaan Negeri yang memberikan tanah sehingga berpuluh ribu

ekar untuk persatuan membuat ladang, tetapi malangnya ladang tersebut bankraplah. Itu soal yang lain, tetapi ada Kerajaan Negeri yang bermurah hati sampai ke peringkat itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan/dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya betul-betul pukul 6.30 petang, jadi ada kepakaran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita semua.

Untuk makluman bersama, saya rasa apabila kita menjadi ahli Dewan ini ramai orang tahu, kerana kadang-kadang

1907

27 JULAI 1994

1908

ada liputan TV dan juga liputan akhbar. Apabila berhenti kadang-kadang tidak tahu, tiba-tiba tidak ada sahaja orangnya. Jadi, saya ingin mengumumkan bahawa sepanjang yang saya tahu hari inilah, rakan kita yang sudah bertahun-tahun bersama kita, iaitu Puan Rosalind Yau Shuk Meng telah menamatkan perkhidmatannya pada hari semalam. Itu adalah

sebagai satu makluman. Saya tidak tahu siapa lagi yang bakal ataupun yang akan memasuki Dewan ini.

Dengan itu sidang ditangguhkan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan pada suatu hari nanti

*Dewaa dttangguhkan pada pukul 6.30 petang.*